



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
HAJAH FAIZA BAWUMI SAYED AHMAD
USAHAWAN BERJAYA**

OLEH:

NURUL ASYIKIN BINTI MOHD YUSOF	2012543107
AIZAHANI AIZUREEN BINTI JOHANIS	2011162643

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
HAJAH FAIZA BAWUMI SAYED AHMAD
USAHAWAN BERJAYA

OLEH:

NURUL ASYIKIN BINTI MOHD YUSOF	2012543107
AIZAHANI AIZUREEN BINTI JOHANIS	2011162643

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t syukur kami ke hadrat illahi kerana dengan limpahNya dapat kami menyempurnakan tugas yang telah diberikan ini dengan jayanya setelah melalui pelbagai halangan dan cabaran bagi menyiapkan tugas ini bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan IMR 604.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad iaitu pengasas Syarikat Faiza Sdn. Bhd kerana beliau sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama sepanjang temuramah ini berlangsung di pejabat HQ beliau di Batu Pahat, Johor.

Tidak lupa juga kami ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kami iaitu Puan Nor Kamariah binti Chik kerana sabar dan sudi memberi tunjuk ajar serta panduan yang berguna kepada kami dalam menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Disamping itu juga, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga kami dan kawan-kawan kami yang tidak putus-putus memberikan sokongan dan dorongan bagi menyempurnakan tugas ini. Jasa dan kerjasama dari semua pihak amat kami hargai sesungguhnya hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalasnya.

Sekian, terima kasih

Nurul Asyikin binti Mohd Yusof 2012543107

Aizahani Aizureen binti Johanis 2011162643

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN.....	ii
ABSTRAK	iii
BIODATA TOKOH.....	iv
Pengenalan	viii
TRANSKRIP	1
BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG	1
BAHAGIAN B: PENGALAMAN DAN KERJAYA	16
BAHAGIAN C: PENCAPAIAN DAN ANUGERAH	43
RUJUKAN	62
LAMPIRAN	64
LOG WAWANCARA	65
SENARAI SOALAN	75
SURAT PERJANJIAN	81
GAMBAR	83
INDEKS	92

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *temubual ini adalah di antara kami bersama dengan puan Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad iaitu pengasas Syarikat Faiza Sdn Bhd. Wawancara ini dijalankan di pejabat beliau yang beralamat di SYARIKAT FAIZA SDN. BHD. (HQ) di Kawasan Industri Sri Gading 2, Batu Pahat, Johor. Sesi wawancara bersama puan Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad ini telah dijalankan pada hari Rabu, 16 April 2014 pada pukul 10.30 pagi. Temubual ini berkisarkan mengenai latar belakang puan Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad dan kerjaya serta pengalaman juga mengenai sumbangan beliau dalam bidang perniagaan yang beliau telah ceburi. Ketika wawancara ini berlangsung, kami dapat mengetahui serba sedikit mengenai kehidupan puan Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad dalam mengharungi bidang perniagaan yang banyak penuh dengan cabaran untuk sampai ke tahap yang beliau berada sekarang. Benarlah kata pepatah “sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit”. Itulah perumpamaan yang boleh kami kaitkan dengan kejayaan puan Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad yang kami kira antara usahawan wanita Islam yang berjaya dalam bidang keusahawanan iaitu melalui perniagaan rempah ratus dan berasnya.*

Kata kunci: *Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad, Syarikat Faiza Sdn Bhd, perniagaan, usahawan.*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Seperti yang kita sedia maklum, Syarikat Faiza Sdn. Bhd merupakan penaja program realiti di TV3 bertajuk Bersamamu. Pengasas syarikat ini merupakan anak kelahiran Negara Mesir dan berhijrah ke Malaysia mengikut arwah suaminya, Abu Bakar setelah mempunyai seorang anak. Kini beliau mempunyai anak seramai tujuh orang.

Nama beliau ialah Faiza Bawumi Sayed Ahmad, anak sulung daripada tujuh orang adik beradik, berumur 72 tahun. Bapanya seorang tahfiz dan peniaga kedai makanan di Mesir. Menurut beliau, kejayaannya sekarang bukan diperolehi dengan mudah, tetapi setelah mengharungi segala cabaran selama 43 tahun berkecimpung dalam dunia perniagaan. Beliau membangunkan syarikatnya daripada perniagaan runcit biasa yang dijalankan di rumah menjadi antara pemborong beras yang terkemuka di Malaysia. Ibu pejabat Syarikat Faiza Sdn. Bhd kini terletak di Batu Pahat Johor.

Walaupun sibuk menjalankan perniagaan, Puan Hajah Faiza tetap meluangkan masa untuk melakukan kerja amal termasuk memegang jawatan sebagai Yang Dipertua Pemborong Beras Bumiputera Malaysia, Pengerusi Wanita Pertubuhan

Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Batu Pahat, Anggota Jawatankuasa Umno Bahagian Batu Pahat (Pengerusi Biro Kebajikan) dan pemegang amanah anak yatim Batu Pahat.

Bak kata pepatah, “kalau tidak dipecahkan ruyong manakan dapat sagunya”. Sebelum Syarikat Faiza berada pada tahap sekarang pelbagai cabaran dilalui oleh Puan Hajah Faiza. Selepas berhijrah ke Malaysia kerana mengikut suaminya, bermulalah cabaran hidup anak kelahiran Mesir ini sebelum menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Ketika tinggal di Mersing, Puan Hajah Faiza berminat pula menghasilkan rempah kari. Beliau membeli pelbagai rempah ratus seperti ketumbar, jintan, halba, cili kering, cengkih dan sebagainya untuk membancuh ramuan ramuan itu bagi menghasilkan rempah kari ikan dan daging. Semuanya dilakukan sendiri, daripada mencuci, menjemur dan menggoreng rempah ratus tersebut. Kemudian beliau menghantarnya ke kedai bagi dikisar.

Selang beberapa tahun kemudian, Puan Hajah Faiza membeli pula sebuah mesin pengisar dan sebuah kedai. Pada tahun 1982, Syarikat Faiza secara rasminya ditubuhkan. Beliau mengembangkan perniagaan dengan memohon lesen pemborong beras kerana mendapati pemborong beras di Malaysia rata-rata terdiri daripada kaum lain selain Melayu. Para pelanggan yang melanggan rempah-rempah beliau turut membeli beras beliau. Pada tahun 1992, syarikatnya bertukar entiti perniagaan menjadi syarikat Sdn. Bhd. Pada tahun 1999 pula syarikat itu menjalankan usahasama dengan Bernas dan menjadi ahli kumpulan Bernas. Kini, kilang beras Faiza beroperasi di tapak seluas 40 000 kaki persegi dan menggunakan peralatan berteknologi tinggi.

Puan Hajah Faizah yang suka hidup bermasyarakat berkata, semua usaha yang dilakukan itu bukanlah untuk mengumpulkan kekayaan sebaliknya untuk menjadi pembayar zakat terbesar di Malaysia sekali gus membantu lebih ramai orang yang susah. Sebab itulah, syarikatnya bekerjasama dengan TV3 selaku penaja utama sejak lapan tahun lalu menerusi program Bersamamu. Dari segi kehidupan berkeluarga, Faizah menerapkan pendekatan supaya anak-anaknya hidup berdikari. Sejak kecil anak-anaknya dilatih menjual dan mereka mendapat upah.

Bagaimanapun katanya, pendidikan menjadi keutamaan dan mereka diberi peluang menuntut ilmu setinggi mungkin. “Bukan semua anak saya terlibat dalam perniagaan, anak sulung dan kelima menjadi pensyarah dan lima yang lain membantu Syarikat Faiza,” katanya. Bercerita tentang pengalaman menguruskan perniagaan tersebut, beliau pernah menangkap pekerja yang menipu dan mencuri. “Macam-macam cara orang hendak menipu dan saya pernah menangkap pekerja yang menjual guni beras yang dimasukkan ke dalam lori. Guni beras ini harganya mahal di pasaran,” katanya.

Ketika kebanyakan wanita yang seusianya berehat di rumah, Puan Hajah Faiza pula sibuk merancang strategi bagi mengukuhkan kedudukannya dalam perniagaan beras di negara ini. Puan Hajah Faiza bukan sahaja menjadi Pengarah Urusan Syarikat Faiza, tetapi turut bertungkus-lumus menentukan operasi syarikat berjalan lancar.

Semangat berniaga bagi wanita yang berasal dari Mesir ini telah tertanam sejak kecil lagi kerana bapanya adalah seorang peniaga kedai makanan. Beliau tidak menyangka pengalamannya sebagai juruwang di kedai bapanya dahulu telah mendorongnya bergiat serius sebagai peniaga. Menurut Puan Hajah Faiza, kejayaannya sekarang bukan diperolehi dengan mudah, tetapi setelah mengharungi segala cabaran selama lebih 45 tahun berkecimpung dalam dunia perniagaan. Menurut Puan Hajah Faiza, beliau datang ke Malaysia pada tahun 1964 kerana

mengikut suaminya. Disebabkan sikapnya yang tidak betah duduk diam, beliau mengambil upah menjahit sulaman dan menjual pelbagai barangan dapur. Puan Hajah Faiza kemudian membuat rempah kari di bawah jenama Bunga Raya dan mengedarkannya di kedai-kedai runcit di kawasan sekitar.

“Sebelum saya menjual beras, saya terpaksa pergi dari rumah ke rumah bertanyakan sama ada pelanggan mahu membeli beras sekiranya saya menjualnya,” katanya. Beliau kemudian memohon lesen pemborong beras dan menjual beras pelbagai jenis termasuk Ponni, Basmathi, beras Wangi, beras Siam. Dalam tempoh sembilan tahun, perniagaan beras keluaran syarikatnya mendapat sambutan baik. Katanya, daripada hanya dikenali di sekitar negeri Johor, jenama Beras Faiza melebarkan sayapnya ke Melaka dan Kuala Lumpur dan kini empayar Faiza berjaya berada di seluruh Malaysia dan ada juga produk keluaran Faiza telah sampai ke luar negara antaranya negara Jepun.

PENGENALAN

PENGENALAN

Temubual ini adalah di antara penulis dengan Puan Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad iaitu pengasas Syarikat Faiza Sdn Bhd. Wawancara ini dijalankan di pejabat beliau di Kawasan Perindustrian Sri Gading, Batu Pahat, Johor. Sesi wawancara bersama puan hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad ini telah dijalankan pada hari Rabu, 16 April 2014 pada pukul 10.30 pagi. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Puan Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad dan pengalaman beliau dalam menguruskan perniagaan beliau.

Beliau dilahirkan pada 9 Mac 1942 di Kaherah, Mesir. Tahap pendidikan beliau hanya tamat diperingkat sekolah menengah sahaja. Beliau juga pernah mengikuti kelas jahitan dan mendapat Diploma Jahitan. Kejayaan beliau sekarang bukan diperolehi dengan mudah, tetapi setelah mengharungi segala cabaran selama 43 tahun berkecimpung dalam dunia perniagaan. Selain itu, beliau pernah memegang jawatan sebagai Yang Dipertua Pemborong Beras Bumiputera Malaysia, Pengerusi Wanita Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Batu Pahat, Anggota Jawatankuasa Umno Bahagian Batu Pahat (Pengerusi Biro Kebajikan) dan pemegang amanah anak yatim Batu Pahat

Temubual selama satu jam dua puluh minit telah memberi fokus pada usaha beliau dalam membangunkan perniagaan beliau sehingga berjaya. Beliau membangunkan syarikatnya daripada perniagaan runcit biasa yang dijalankan di rumah menjadi antara pemborong beras yang terkemuka di Malaysia. Ibu pejabat Syarikat Faiza Sdn. Bhd kini terletak di Batu Pahat Johor. Temubual tersebut menyentuh mengenai bagaimana Syarikat Faiza Sdn. Bhd didirikan. Bagaimana beliau memulakan perniagaan beliau dari rumah ke rumah sehingga sekarang sampai Berjaya.

Puan Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad berumur 72 tahun ketika ditemubual dijalankan dan pada ketika itu memegang jawatan sebagai pengerusi Syarikat Faiza Sdn. Bhd. Beliau seorang yang sangat lemah lembut, berwawasan, tegas dan berkarisma.

PENDAHULUAN

Syarikat Faiza telah ditubuhkan pada 1982 bersempena dengan nama pemilik syarikat iaitu Faiza Bawumi Sayed Ahmad. Syarikat ini melakukan aktiviti peruncitan sebagai perniagaan terasnya. (SFSB), dan menjalinkan modal usaha dengan Padiberas Nasional (BERNAS) pada tahun 1997.

Kekuatan SFSB, terletak pada daya penggerak yang bertenaga dan profesional dengan pengetahuan luas dan berpengalaman dalam bidang masing-masing, yang mana ianya persediaan bagi bersaing dalam senario perniagaan beras. Ini ialah kerana di SFSB, tiada tolak ansur mengenai kualiti. SFSB sentiasa memandang ke hadapan untuk teknik-teknik lebih baik, cara lebih baik menjanakan, menyampaikan, berkomunikasi, menggalakkan, untuk memberi khidmat, menjual. SFSB percaya yang kejayaan boleh dicapai daripada apa yang dibuat dengan penuh kesungguhan.

PENUBUHAN SFSB

Pada 1992, Syarikat FAIZA secara rasmi ditubuhkan di bawah Syarikat FAIZA Sdn. Bhd. Pada awal tahun 90an, syarikat telah mengambil peluang ke atas kepekaan masyarakat pada ketika itu kepada cara pembuatan dan kandungan makanan. Syarikat mula memperkenalkan dengan sejenis kategori beras berkualiti dari Kartanaka, India. Beras ini adalah jenis beras "Ponni". Setelah melihat pontensi beras "Ponni", SFSB memperkenalkan beras tersebut yang dipercayai baik untuk kesihatan, khususnya bagi penghidap diabetes, obesiti dan darah tinggi. Hingga hari ini di bawah jenama Taj Mahal, beras Faiza herba Ponni telah diedarkan seluruh Malaysia.

SFSB juga telah menghasilkan pengeluaran padi yang lain seiring dengan permintaan pengguna seperti Basmathi, beras Fragrant, Thai Super Special dan beras Local. SFSB telah dikenali kerana kualiti produk yang tinggi, seratus peratus buatan Islam dan halal.

SFSB kini mempunyai tiga buah kilang di Selangor, Kedah dan Terengganu. SFSB mempunyai 200 pekerja tetap dan lebih 300 pekerja kontrak. SFSB kini juga meneroka bidang baru termasuk memasarkan bihun, sos cili dan kicap selain dari

beras dan rempah. Bagi produk bihun pula, syarikatnya telah menempah mesin dari China dan produk itu akan diproses di sebuah kilang lain juga di Sri Gading. Kilang tersebut mampu mengeluarkan sebanyak sembilan tan bihun sehari, namun pada peringkat awal cuma memproses lima tan bihun dengan sasaran jualan sebanyak RM12 juta bagi tahun pertama. Kini terdapat pelbagai pilhan dan jenis produk-produk dari faiza, terutamanya dari produk beras. Pelbagai pilihan yang menjadi pilihan ramai pelanggan iaitu:



Gambar 1 : Beras Herba Ponni Taj Mahal



Gambar 2: Moghul Faiza Bhasmati



Gambar 3: Beras Basmathi



Gambar 4: Beras Lagenda



Gambar 5: Beras Mahsuri



Gambar 6: Beras Faiza Emas



Gambar 7: Rempah-ratus Faiza



Gambar 8: Lain-lain

KAEDAH KAJIAN

Bagi menjayakan penulisan ini, bahan-bahan untuk penulisannya didapati dalam tiga cara iaitu:

a) Pengumpulan Data

Penulis mencuba sedaya upaya bagi mengumpul data-data sebanyak mungkin yang mana dianggap perlu dan ada kaitan dengan kajian ini. Dalam hal ini, penulis juga mencari data-data maklumat dari sumber internet, sumber yang boleh dipercayai bagi membantu penulis mendapatkan maklumat dan bahan-bahan untuk kajian tersebut.

b) Kajian Luar

Penulis membuat kajian luar dengan dua cara iaitu melalui temu bual dan pemerhatian. Kaedah ini penting bagi penulis untuk mendapatkan keterangan yang mendalam tentang sesuatu fakta dan kenyataan tentang Puan Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad.

c) MP3 / recorder handphone



Gambar 9: MP3, Recorder handphone

Penulis menggunakan alatan seperti MP3 untuk merakam suara tokoh Syarikat Faiza iaitu Puan Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad supaya suara beliau boleh didengari dengan jelas dan tepat bagi melancarkan lagi proses kajian penulis.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang puan Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad iaitu pengasas Syarikat Faiza Sdn. Bhd. Wawancara ini dijalankan di pejabat beliau di SYARIKAT FAIZA SDN. BHD. (HQ) di Kawasan Industri Sri Gading 2, Batu Pahat, Johor. Sesi wawancara bersama puan Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad ini telah dijalankan pada hari Rabu, 16 April 2014 pada pukul 10.30 pagi. Temubual ini berkisar tentang latar belakang, kerjaya dan pengalaman serta sumbangan dan harapan beliau dalam bidang perniagaan yang telah beliau ceburi. Berikut adalah hasil rakaman yang telah dijalankan.

Petunjuk:

PHF : Puan Hajah Faiza

NA : Nurul Asyikin binti Mohd Yusof

AA : Aizahani Aizureen Binti Johanis

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

NA : Assalamu‘alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh Puan Faiza.

PHF : Wa ‘alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

NA : Saya Nurul Asyikin dan juga kawan saya Aizahani Aizureen daripada UiTM Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan, Machang. Kami telah diberikan tugas untuk subjek sejarah lisan dan kami telah memilih puan hajah sebagai tokoh kami. Kami sangat berbesar hati dapat mewawancara puan hajah sebagai tokoh yang telah banyak memberi jasa dalam bidang perniagaan. Sebelum kami melanjutkan lagi wawancara ini, kami ingin memulakannya dengan bertanyakan mengenai latar belakang puan hajah.

NA : Siapakah nama sebenar puan hajah dan nama samaran puan hajah?

PHF : Okay [Baiklah]. Bismi-Ilāhir-rahmānir-rahīm. Assalamu'alaikum wa rahmatullahi wabarakatuh. Yang dikasihi anak-anak yang sebaya anak sayalah, awak *dua* [2] orang *ni* [ini]. Sebab anak saya *dah* [sudah] *lima puluh* [50] tahun *dah* [sudah] umur yang sulong. Nama saya Faiza. Syarikat ditubuhkan atas nama saya. Nama saya Faiza Bawumi Sayed Ahmad. Saya lahir di Mesir. Saya datang ke Malaysia pada tahun *sembilan belas enam puluh empat* [1964] selepas saya *dah* [sudah] berumah tangga di Kaherah. Suami saya belajar di Universiti Al-Azhar *dulu* [dahulu]. Jadi jodoh. Saya berkahwin di sana. Selepas

enam [6] tahun perkahwinan baru saya datang ke Malaysia.

NA : Berapakah umur suami puan hajah ketika itu?

PHF : Pada masa *tu* [itu] umur dia *tiga puluh empat* [34] tahun, saya berumur *enam belas* [16] tahun. Pada masa mula perkahwinan, sebab dia bukan kenalan dengan saya, dia kenalan dengan arwah bapa saya. Maknanya bukannya macam sekarang dia bercinta ke apa *takde* [tiada]. *Nak* [hendak] kata pilihan pun, dia rapat dengan arwah bapa sayakan, jadi bapa saya sembahyang istikharah. Bila dia minta, dia kata orangnya baik. Padahal saya anak yang sulong, kalau *nak* [hendak] dikatakan *tak* [tidak] bagi. Keluarga sebelah emak semua *tak* [tidak] setuju. Mereka kata jauhlah itulah inilah macam-macam lagi. Dia kata kita kahwinkan anak kita jauh, dia senang, dapat suami yang baik, lebih baik daripada kahwinkan anak kita dekat tapi orang *tu* [itu] kita *taktau* [tidak tahu] latar belakang. Ini saya *dah* [sudah] kenal lama. *Pastu* [selepas itu] dia tanya pelajar-pelajar Universiti Al-Azhar Malaysia yang lain, semua memang kata dia memang baik. Keluarga dia *takde* [tiada] yang kahwin lebih daripada *satu* [1]. *Tu* [itu] yang pertama sekali sebab takut nanti bawa saya *kat* [dekat] sini *pastu* [selepas itu] kahwin lain (bunyi orang ketawa). Jadi bila arwah bapa saya *dah* [sudah] yakin baru dia setuju. Jadi saya kahwin memang

awal.

NA : Siapakah nama suami puan hajah?

PHF : Abu Bakar. Haji Abu Bakar bin Haji Ahmad. Dia meninggal dunia lebih kurang *sepuluh* [10] tahun. Dia meninggal dunia dalam usianya *tujuh puluh sembilan* [79] tahun. Dia bekerja sebagai hakim mahkamah syariah. Jawatan dia yang *last* [akhir] sekali.

NA : Di Malaysia?

PHF : Ya. Di sini di Batu Pahat. Dia kerja banyak tempat. Di Johor Bahru, di Mersing, di Kluang, di Muar yang *last* [akhir] sekali di Batu Pahat. Dia meninggal dunia pun disini, di Batu Pahat.

NA : Bilakah puan hajah dilahirkan, maksud saya tarikh lahir puan hajah?

PHF : Saya lahir tahun, *sembilan haribulan tiga sembilan belas empat puluh dua* [9.3.1942]. Jadi usia saya sekarang baru *dua puluh tujuh* [27] tahun (bunyi orang ketawa).

NA : Dari manakah suami puan hajah berasal?

PHF : Dia memang asal orang Batu Pahat. Jadi saya pun *dah* [sudah] berkahwin, Alhamdulillah dan dikurniakan *tujuh* [7] orang anak dan *tiga puluh tiga* [33] orang cucu, cicit *satu* [1] (bunyi orang ketawa). Baru lagi baru *dua* [2] bulan lebih.

NA : Apakah status anak-anak puan hajah? Maksud saya macam berapa yang dah [sudah] berkahwin?

Semua *dah* [sudah] berkahwin.

NA : Semua dah [sudah] kahwin?

PHF : Ya. Semua *dah* [sudah] kahwin dan dapat anak. Yang ada anak *tiga* [3], anak *lima* [5], ada yang anak *enam* [6]. Semua *dah* [sudah] ada anak.

NA : Adakah mereka tinggal bersama puan hajah?

PHF : *Tak* [tidak]. Lain-lain. Cuma kerja *je* [sahaja]. Yang membantu saya ada perempuan, ada Najwa, *_*, Salwa. Perempuan ada *tiga* [3] orang yang membantulah. *Laki-laki* [lelaki] ada *dua* [2] orang, daripada

tujuh [7], ada *dua* [2] orang jadi pensyarah. *Pasal* [sebab] dia sampai buat PHD (Doctor of Philosophy/ Ijazah kedoktoran) bahagian matematik, yang lagi *satu* [1] [seorang] bahasa, jadi dua-dua pensyarah. Dia *tak* [tidak] bantu dalam perniagaan kecuali yang jadi pensyarah, insyaAllah, salah *sorang* [seorang] *dah* [sudah] mula masuk juga sikit-sikit cuma belum sepenuhnya.

NA : Boleh saya tahu pensyarah, anak puan hajah jadi pensyarah kat (dekat) universiti mana?

PHF : *Kat* [dekat] Maktab Perguruan Johor Bahru. Dia ketua Jabatan Matematik.

NA : Yang lagi sorang [seorang]?

PHF : Yang lagi *sorang* [seorang] *kat* [dekat] UIA (Universiti Islam Antarabangsa). Bahasa Arab. Pensyarah bahasa Arab. Jadi kalau nak kirakan, sekarang kira semualah, tinggal *sorang* [seorang] yang *kat* [dekat] UIA. Cuma buat sementara *ni* [ini], sebab suami dia tengah sakit. Jadi dia *on off*. Dia kadang datang seminggu *dua* [2] kali, *tiga* [3] kali kadang. *Pasal* [sebab] suami dia kena *leukemia* (kanser darah) (Sejenis penyakit kanser darah di mana sum-sum tulang tidak dapat

berfungsi lagi sebagai pembuat sel-sel darah merah dan pembeku darah).

NA : Apakah taraf pendidikan puan hajah?

PHF : Saya biasa *je* [sahaja]. Sekolah menengah biasa. Saya *takde* [tiada] *degree* [ijazah], *takde* [tiada] apa. Saya kahwin umur *enam belas* [16] tahun. Awak bayangkanlah umur *enam belas* [16] tahun belajar apa [bunyi orang ketawa]. Cuma saya *lepas* [selepas] kahwin, saya ada belajar lagi. Saya ada buat diploma menjahit. Saya minat *camtu* [macam itu]. Menjahit, buat sulam menyulam, buat, belajar___, ada jugalah belajar sikit-sikit *lepas* [selepas] kahwin.

NA : Jika tak [tidak] keberatan bolehkah puan hajah menceritakan zaman kanak-kanak puan hajah sebelum berjumpa dengan arwah suami puan hajah?

PHF : Saya masa di sekolah dulu saya jadi ketua kelas masa sekolah rendah. Cuma agak nasib *tak* [tidak] menyebelahi saya sebab saya kena kemalangan jalanraya sampai saya koma berbulan-bulan. Masa *tu* [itu] umur saya *sepuluh* [10] tahun.

NA : **Disini? Di Malaysia?**

PHF : Kalau saya agak *tak* [tidak] sakit *takde* [tiada] apa-apa masalah, saya ingat saya *tak* [tidak] datang Malaysia sebab saya terus sambung belajar sampai tinggikan. *So* [jadi] saya masa sekolah memang Alhamdulillah saya memang rajin. Saya daripada masuk sekolah memang jadi ketua kelas. Masa saya sekolah, cikgu keluar, dia suruh saya *catit* [tuliskan] nama. Saya ingat sangat umur saya dalam *dua belas* [12] tahun. Masa tu musim sejuk. Apabila cikgu keluar, mana-mana pelajar yang bising saya *taruk* [letak] nama, apabila cikgu masuk, saya bacakan nama pelajar *tu* [itu]. Dia pukul dekat sini [tangan] pakai pembaris [bunyi orang ketawa]. Jadi budak tadi marah, *da* [sudah] geram dengan saya, dia kata nanti hari khamis kita akan pukul. Itulah punca kemalangan tersebut. Oleh sebab saya takut, saya cakap pada cikgu, “Cikgu, cikgu, budak ni nak pukul saya”. “*Takde-takde* [tiada-tiada] hari sabtu *kasitau* [beritahu]”. Cuti hari jumaat kan. “Nanti naik sekolah *bagitau* [beritahu] cikgu, *sape* [siapa] yang pukul faiza saya akan sebat dia”. Tapi oleh sebab takut, apabila bunyi loceng, saya terus lari. Masa saya lari, motor King Abdul Aziz, dulu dia pakai motor besar, dia langgar saya dan saya tercampak daripada tepi sekolah sampai seberang jalan. *Pastu* [selepas itu] saya *tak* [tidak] sedarkan diri. Arwah umi yang cerita. Dia kata waktu *tu* [itu] keluar darah dari hidung dari telinga *pastu* [selepas itu] bawa pergi

hospital. Doktor kata saya *dah* [sudah] *nak* [hendak] matilah, bawa saya baliklah. Arwah bapa saya merayu. Itu dia cerita dengan saya *lepas* [selepas] saya sedarlah. Jadi *tu* [itu] yang saya *tak* [tidak] habis sekolah. Apabila *dah* [sudah] *okay* [baik], baru saya cuba masuk tapi saya *dah* [sudah] cuti setahun. Lambatlah. Jadi apabila cuti setahun, saya *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] patah balik yang kita *dah* [sudah] cuti. Tapi sekolah masih terima jugalah. Apabila saya agak *dah* [sudah] *okay* [baik] Alhamdulillah sihat, bayangkanlah koma lama *pastu* [selepas itu] Allah bagi panjang umur, jadi arwah emak bapa saya semua memang sangat sukalah, gembirakan Allah panjangkan umur saya dan bagi sihat jadi dia memang jaga saya betul-betul. Jadi bila arwahnya ---. Saya masa budak-budak saya suka jadi *cashier* [juruwang] di restoran arwah bapa saya. Bapa saya guru tahfiz quran tapi dia ada restoran. Itulah sebabnya pelajar-pelajar Melayu Universiti Al-Azhar rapat dengan dia. Kadang-kadang tanya__ atau semak al-quran. Jadi, kalau arwah pergi sembahyang, saya akan ganti dia dan saya akan jadi *cashier* [juruwang]. Orang makan saya ambil duit, saya pulangkan duit. Sampailah saya *lepas* [selepas] kahwin, saya balik sini, bapa saya jual restoran *tu* [itu]. Dia kemudian terus masuk sekolah bahagian azal, jadi guru tahfiz terus. Macam dulu dia kerja *tak* [tidak] tetap, *pastu* (selepas itu) dia tukar. Arwah suami saya, Abu Bakar datang ke kedai jumpalah saya. Masa *tu* [itu] umur

saya *empat belas* [14] tahun [bunyi orang ketawa]. Inilah cerita dia. *Empat belas* [14] tahun dia kata *nak* [hendak] tunang. *Takpe* [tidak apa] dia tunggu berapa tahun pun *takpe* [tidak apa], dia tunggu. *Taktaulah* [tidak tahulah] macam mana agaknya, jadi arwah bapa saya kata *tak* [tidak] boleh. *Enam belas* [16] tahun baru boleh nikah. *Takpelah* [tidak apalah] dia tunggu. Jadi itulah, *lepas* [selepas] *dua* [2] tahun kenal dengan dia, keluarga dia, berhubung dengan keluarga dia apa *sume* [semua]. Dulu mana ada - mana ada *line* [talian] kan, pakai telegram, pakai suratkan. *Takde* [tiada] lah macam sekarang canggih. Jadi nampak keluarga dia *sume* [semua] suka sampai arwah kakak dia pun bagi saya kancing butang baju melayu berlian_. Nampak *diorang* [mereka] sukalah. Jadi apabila suka, Alhamdulillah. Umur saya *dua puluh dua* [22] tahun saya datang ke Malaysia dan ada anak umur *empat* [4] tahun.

NA : *Dua puluh dua* [22] *dah* [sudah] ada anak?

PHF : Ehh, umur lapan belas *dah* [sudah] ada anak. Saya datang ke sini anak saya *dah* [sudah] *empat* [4] tahun. Yang pensyarah *ni* [ini] yang doktor_ yang dekat Johor Bahru. Jadi bila datang sini, saya rasa macam sunyilah. *Takde* [tiada] kerja *takde* [tiada] apa. Anak baru *satu* [1]. Apa benda *nak* [hendak] buat. *Dulu* [dahulu] arwah mak mertua

duduk dengan saya, anak saudara ada *sorang* [seorang] pun duduk dengan saya juga. Jadi saya cepat dapat cakap bahasa, bahasa melayu mudah. Tiga bulan saya boleh berbual. Itulah kisah saya ketika datang ke sini.

NA : Apakah perasaan puan hajah ketika *first time* [pertama kali] datang ke Malaysia?

PHF : Masa baru datang ke sini, mula-mula agak lainlah. Saya tengok makanan *tak* [tidak] sama, negara *tak* [tidak] sama. *Pastu* [selepas itu] ada guruh petir, saya takut [bunyi orang ketawa]. *Kat* [dekat] sana *takde* [tiada]. Hujan pun dua kali agaknya setahun. Disini kadang-kadang seminggu berturut-turut hujan teruskan. Jadi arwah mak mertua, dia cakap jangan takut. Sini biasa hujan, *tak* [tidak] tenggelam. Saya ingat takut tenggelam [bunyi orang ketawa]. Jadi apabila *dah* [sudah] biasa *okaylah* [baiklah]. Keluarga sebelah arwah suami *sume* (semua) sayang saya. Nampak mereka baik. Jadi saya *tak* [tidak] terasa yang saya asing. Cuma anak saya selalu menangis *nak* [hendak] balik [bunyi orang ketawa]. Dia rapat dengan nenek dengan *atuk* [datuk] dia di sana dengan adik saya yang perempuan. *Pasal* [sebab] masa *tu* [itu] saya sambung belajar, saya tinggal dia dengan adik saya dan mak saya. Saya sambung lagi belajar apa-apalah.

Belajar __. Dia rapat, *nak* [hendak] balik tapi lama-lama *okaylah* [baiklah].

NA : Sudikah puan hajah berkongsi bagaimana puan hajah menguruskan keluarga puan hajah? Maksud saya selepas puan hajah bernikah dan berhijrah ke Malaysia.

PHF : Mudah *je* [sahaja]. Saya dekat rumah akan masak, buat kerja rumah. Saya *takde* [tiada] pembantu. Arwah mak mertua saya ajar masak masakan melayu. Macam mana *nak* [hendak] buat asam pedas, dia ajar. Dia orang melayu Melaka. arwah bapa mertua Jawa. Jadi dia cakap jawa dia *tau* [tahu], cakap melayu pun dia *tau* [tahu]. Masak jawa *tau* [tahu], masak melayu pun *tau* [tahu]. Jadi dia ajarlah saya masak. Saya belajar masak dengan dia. Mula-mula saya duduk diam. Nanti dia ketuk pintu bilik_. Faiza marilah sarapan. Dia buat sarapan. Saya cakap apa sarapan, jadi saya tanyalah suami. Dia kata dia suruh minum air pagi. Jadi saya tengok ehh mak mertua sediakan sarapan untuk saya. Saya *ni* [ini] apa [bunyi orang ketawa]. Kita terasa sendiri kan. Macam mana. Yang mak mertua pula takut saya *tak* [tidak] sesuai disini jadi dia suruh anak dia bawa saya balik, balik Mesir. Arwah suami belajar luar negara selama empat belas tahun. Sebab dia pergi memang belum belajar arab langsung. Dia bawa mak dia pergi

Mekah. Dekat Mekah berapa tahun dia belajar sampai dia dapat menengah tinggi baru dia fikir masa untuk sambung universiti. Mak dia balik ke Malaysia dengan kawan-kawan. Dia pergi haji asalnya. Jadi *okaylah* [baiklah], saya belajar masak dengan mak mertua saya dan saya tolonglah. Kalau saya ada ikan ke apa, dia tunjukkanlah sayur. Sebab sayur pun tak [tidak] sama. Sayur yang ada sana *takde* [tiada] sini, ada sini *takde* [tiada] sana. Macam buah-buah pun sama. Yang *import* [bawa masuk ke dalam Negara] ada sana lah. Macam anggur, epal, limau sana tanam sendiri. Tanaman negeri punya. Bukan *import* [bawa masuk ke dalam Negara]. Kita *takde* [tiada] buah-buahan yang kita *import* [bawa masuk ke dalam Negara], *sume* [semua] tanam sendiri di Mesir. Tomato, sayur apa *sume* [semua] sekali tanam *kat* (dekat] sana.

NA : Siapakah nama bapa dan emak puan hajah

PHF : Bapa saya Bawumi Sayed Ahmad. Emak saya Fatma, Hajah Fatma Ibrahim. Emak saya meninggal umur tujuh puluh satu, arwah bapa meninggal umur lapan puluh empat.

NA : Dua-dua meninggal di sana?

PHF : Ya. Di Mesir. Tapi semua Alhamdulillah *dah* [sudah] datang ke Malaysia. Arwah mak saya pernah datang dua kali, dia *tak* [tidak] larat, dia kata cukuplah. Arwah bapa datang empat kali. Adik beradik pun Alhamdulillah semua *dah* [sudah] datang Malaysia. Adik beradik saya tak ramai, yang hidup tujuh orang. Sekarang pun tinggal enam. Yang *sorang* [seorang] meninggal dunia tahun dua ribu empat masa tsunami. Masa tsunami, dia berada disini. Dia ajak pergi makan anginlah. Pergi Langkawi, sekali tsunami, *tak* [tidak] jadilah pergi. Kemudian dia jalan-jalan di Malaysia, dia balik ke Mesir dan meninggal dunia. Dia sakit, dia ada kanser hati.

NA : Mereka iaitu adik beradik puan hajah berada disini atau di sana?

PHF : Sana. Semua di sana. Saya *sorang* [seorang] disini. *Diorang* [mereka] datang ziarah. Datang sebulan cuti ke dua minggu cuti kemudian balik sana. Macam sekarang pun saya akan pergi ke sana. Dua minggu cuti saya pergi ziarah kemudian saya balik. Macam itulah. Tapi *takde* [tiada] *sape* [siapa] yang tinggal disini

- NA : Tadi puan hajah cakap, bapa puan hajah guru mengaji quran dan buka restoran, apakah pekerjaan emak puan hajah?**
- PHF : Tak keje [tidak kerja]. Emak saya tak bekerja. Dia suri rumah sepenuh masa.

-TAMAT BAHAGIAN A-

BAHAGIAN B: PENGALAMAN & KERJAYA

NA : **Baiklah. Sekarang kita beralih kepada bahagian kerjaya tokoh.**

Bagaimanakah puan hajah bermula?

PHF : Saya bermula sekali, mula-mula saya memang menjahitlah. Saya ada diploma buat jahitan jadi saya menjahit. Buat baju gaun, buat untuk anak-anak jiran_ masa mula-mula sekali. Masih belum mahirkan. Saya tengok anak jiran_ macam sebaya anak saya, saya ambil *size* [ukuran] anak saya, saya buat gaun, saya jual. Masa tahun enam puluh lebih, ada buat sulaman, buat sarung bantal pakai sulam, alas meja pakai sulam, tahun tujuh puluhan saya mula menjahit. Saya buat alas meja, saya beli kain. Dulu kain murah, kain *plain* [kosong] satu ringgit dua puluh sen [RM 1.20] satu ela. Saya beli kain satu ela, saya buat bunga empat dan saya jual empat ringgit lima puluh sen [RM 4.50]. Mula-mula sekali saya berniaga, saya kumpul duit sikit. Buat sarung bantal. Sampai apabila saya menjahit ikut musim. Bukan hari-hari kan. Apabila musim banyak, banyak betul sampai *tak* [tidak] tidur malam, *nak* [hendak] menjahit *je* [sahaja]. Lama-lama saya beralih ke berniaga lain. Lecehlah kalau orang menjahit, *tak* [tidak] terfikir masa *nak* [hendak] cari orang bantu ke apa, tak reti [tidak tahu] fikir. Saya kata baiklah saya cuba buat lain. Jadi masa itu saya

suka makan kari. Saya kata nak buat rempah. Sebab itu kita berniaga kari sebelum beras. Saya berniaga kari tahun sembilan belas enam puluh lapan [1968], *start* [mula] buat kari, dekat Mersing. Masa itu saya dekat Mersing, suami saya kerja di Mersing. Saya mula, saya buat yasinkan, panggil orang baca yasin. Pembantu saya orang asli. Orang macam orang kuala, yang rambut kerinting, kulit gelap tapi orangnya baik

NA : Orang asli daripada mana?

PHF : Dari Mersing. Mersingkan banyak orang kuala, orang asli. Saya cakap dengan dia saya *nak* [hendak] buat kari, dia suruh beli. Ada pak habib, lelaki Arab, dia buat rempah. Saya kata saya *tak nak* [tidak mahu] yang *tu* [itu]. Saya *nak* [hendak] yang biji. Sebenarnya ada tujuan saya yang dia *taktau* [tidak tahu]. Dia kata belilah ketumbar, jintan, lada semua, kemudian saya tengok dia main cekup-cekup, dia campak. Kemudian goreng, giling pakai batu giling. Dulu mana ada *ini* [blender/pengisar]. Jadi saya belajar. Dari situlah saya *tau* [tahu], lain kali saya beli, saya buat sendiri, saya buat *tak* [tidak] sedap, *tak* [tidak] sama. Saya *try* [cuba] lagi, *kasi* [beri] jiran-jiran rasa, dia kata *tak* [tidak] pedas, nanti saya buat lagi, banyak kalilah. Cuba-cuba sampai dah (sudah) sedap. *Dah* [sudah] sedap, saya buat, saya hantar

pula dekat pasar Mara, kedai-kedai Mara. Hantar sikit-sikit, sampailah dah terkenal. Dulu plastik kosong, apabila dah terkenal saya takut nanti jangan orang tiru rempah saya sebab *takde* [tiada] nama, saya pun buat cap bunga raya. Apabila saya dah buat cap bunga raya, saya dah mula jual ke Kluang. Dari Mersing saya pergi ke Kluang, saya pindah Kluang saya pergi ke Johor, saya pergi ke Felda, saya masuk felda semua, kemudian saya kata baik saya pergi daftar. Bila saya pergi daftar cap bunga raya *tak* [tidak] boleh.

NA : Sebab dah ada nama? Dah ada orang guna nama cap bunga raya?

PHF : Bukan. Bunga lambang kebangsaan. Sesiapa pun boleh paka. Ini yang kadang-kadang orang berniaga, dia *taktau* [tidak tahu]. Nanti dia terperangkap, dia buat tapi tak boleh pakai. Jadi akhirnya saya buat nama Faiza. Kalau biasa makan rempah, carilah rempah Faiza. Ya. Saya dah buat rempah sebelum awak lahir. Sebab orang kenal beras tapi sebenarnya rempah. Modal beras asalnya daripada rempah. Tiga puluh ribu ringgit (RM 30 000) yang pertama adalah modal untuk beras hasil daripada rempah. Kemudian berkembang, saya buka runcit. *Nak tau* [hendak tahu] jenis beraskan, saya buka kedai runcit dulu dan apabila saya dah kenal gred-gred beras barulah saya mohon

pemborong beras.

NA : Rempah ratus tersebut puan hajah buat daripada rumah kemudian jual ke kedai-kedai?

PHF : Ya. Saya buat di rumah dan hantar ke kedai-kedai. Saya sendiri yang hantar. Mula-mula pakai kereta Peugeot, kemudian saya pakai BenC 20, kemudian pakai Ford. Apabila berkembang, saya pun sama-sama berkembanglah perniagaannya. Dari mula, saya sendiri yang pergi. Saya ambil pekerja. Tapi memang bermula daripada rumah. *Takde* [tiada] kedai pun. Ikut pindah-pindah, mana nak ada kedai. Nanti kalau saya ada kedai, suami pindah, saya *tak* [tidak] boleh ikut. Jadi mana-mana dia pindah saya ikut, saya buat di rumah. Macam itu senang. *Takde* [tiada] lesen pendaftaran. Tapi zakat saya bayar. Income *tax* [cukai] pun saya bayar, campur dengan pendapatan arwah suami. *Tak* [tidak] menyalahi undang-undanglah.

NA : Kiranya puan hajah bermula dengan rempah ratus, bagaimana pula boleh terlibat dengan perniagaan beras?

PHF : Berniaga beras bermula semasa saya berniaga rempah ratus, saya pergi ke kedai-kedai dan saya dapati *takde* [tiada] orang melayu yang

mengedar beras. Jadi apabila saya tanya kepada pemilik kedai, kalau saya jual beras, awak nak beli *tak* [tidak]. Mereka kata nak, mereka memang mengalu-alukan saya untuk mengedar beras. Pada masa *tu* [itu] anak saya ada dua orang lelaki belajar di luar negeri. *Sorang* [seorang] pergi dulu *sorang* [seorang] lagi__. Kemudian saya pergi LBM (Lembaga Beras Malaysia), saya cakap dengan LBM saya ada anak lelaki yang belajar, saya nak dia berniaga. Sebab saya *tak nak* [tidak mahu] orang lain kata melayu ni subsidi. *Takde* [tiada] subsidi tak hidup. Itu saya tak suka dengar perkataan subsidi. Yang lain semua bangsa lain kan. Jadi saya kata *tak nak* [tidak mahu]. Saya nak dapat lesen. Boleh tak saya dapat lesen sebagai pemborong beras. Dia suruh isi boranglah apa semua sekali, *pastu* [selepas itu] dia kata “awak status apa, bumiputera ke bukan?” Saya kata “saya bumiputera tapi *tak* [tidak] lahir disini, lahir di Mesir. Nasib baik. Orang lain *tak [tidak]* dapat. Tapi Alhamdulillah nasib saya baik. Sebab saya ada ASB (Amanah Saham Berhad). Dulu masa mula-mula sekali, menteri di Jabatan Perdana Menteri, allahyarham Sharifah Dora, kawan saya. Dia pengerusi PERKIM, saya naib pengerusi PERKIM. Jadi dia suruh kempen untuk orang masuk ahli ASB buku biru muda yang lama. Jadi saya pun masuk sepuluh ringgit [RM 10] jadi saya diterima sebagai pelabur dan kerana ada buku itulah saya dapat lesen. Tapi itu pun *tak* [tidak] boleh dicerita kerana orang lain *tak* [tidak] dapat. Yang saya

ingat sebelah saya, ada India tapi *tak* [tidak] dapat (ketawa). Jadi itu rezeki, Allah nak bagikan. Apabila *dah* [sudah] dapat lesen, saya bermula dari rumah juga. Saya cedok beras pakai tangan, pakai *scoop* [pencedok] untuk cedok beras. Saya buat bunga raya yang mula-mula saya buat sepuluh kilogram beras tempatan. Dulu mana ada macam-macam jenis beraskan.

NA : Daripada mana puan hajah mendapatkan sumber bekalan padi?

PHF : Saya dapat daripada Perlis. Mula-mula sekali saya dapat bekalan daripada Perlis dan Kedah. Selepas itu, ada hamba Allah nama dia Cik Mek. Dia ada jelapang padi dekat Muar. Lepas [selepas] saya kenal dengan dia, dialah *supply* [pembekal] padi. Plastik saya pun tak siap lagi, dia bagi saya plastik dia. Jadi saya tengok agak orang kita ini memang baik hatilah. Orang melayu *ni* [ini] banyak menolong, bantu membantu. Tapi janganlah sampai orang pijak kepala kita. Saya tengok sekarang ini, ramai orang yang mula nak pijak kepala (bunyi orang ketawa), sebab terlalu baik sangat. Kita baik berpada-pada, jahat jauh sekali (bunyi orang ketawa).

NA : Puan hajah kata tadi, puan hajah bermula dengan rempah ratus, daripada mana puan hajah mendapatkan modal rempah ratus

tersebut?

PHF : Hasil daripada menjahitlah. Saya kata tadi, modal saya mula-mula sekali *satu ringgit dua puluh sen* [RM1.20]. Saya beli benang *tiga puluh sen* [RM0.30], saya buat bunga dan saya jual *empat ringgit lima puluh sen* [RM4.50]. Itu dah dapat berapa, adalah dalam *dua ringgit* [RM2.00]. Kalau saya buat alas meja besar, *enam ringgit* [RM6.00] saya jual. Yang dua ela untuk hidang makanan, orang melayukan suka pakai saprah kan. Kemudian saya buat sarung bantal. Sarung bantal empat biji bantal tidur, dua biji bantal peluk *tiga puluh lima ringgit* [RM35] [bunyi orang batuk]. Masa kita hantar, orang bayar *lima belas ringgit* [RM15], yang lain ada yang bayar ansur-ansur macamtu. Daripada situ, arwah suami saya *tak* [tidak] usik duit saya. Malah dia bagi, segala perbelanjaan, dia tanggung. Hmm tu [itu] lah

NA : **Ada *tak* [tidak] puan dapat bantuan macam suami puan tolong bagi sikit ke?**

PHF : *Takde* [tiada].

NA : **Memang sepenuhnya daripada hasil menjahit?**

PHF : Ya. Sepenuhnya daripada saya sendiri. Sebab dia kata *nak* [hendak] berniaga, asal awak jaga rumahtangga, jaga diri, duit awak sendiri, saya benarkan. Saya *nak* [hendak] itu *je* [sahaja], bukan saya *nak* [hendak] lebih. Alhamdulillah saya jaga anak, mula-mula anak baru satu kemudian dua tiga dan setiap kali saya dapat anak, Alhamdulillah saya boleh jaga anak saya.

NA : **Sepanjang puan hajah terlibat dalam bidang perniagaan ini, ada tak cabaran dan kenangan pahit manisnya?**

PHF : Ada banyak cabaran. Bukan senang. Bukan senang *nak* [hendak] senang. Macam-macam cabaran. Macam-macam dalam perniagaan. Rugi terutamanya. Cuma kita berniaga *nak* [hendak] kena sabar. *Nak* [hendak] kena tahan. *Tak* [tidak] boleh putus asa. *Tak* [tidak] boleh jemu. Kalau kita ada --- dan kena rajin. Kalau kita ada sifat semua sekali tu, insyaAllah kita boleh berniaga. Saya pernah menangis depan masjid. Betul-betul tengah azan maghrib. Saya mohon Ya Allah bagilah saya kekuatan, macam mana saya *nak* [hendak] buat. Kerana pekerja jugalah. Tapi saya *tak* [tidak] payahlah sebut nama dia. Yalah, pekerjaan kadang kita percaya sangat, dia belot, macam-macam yang berlaku. Jadi saya mohon pada Allah, bagi saya kekuatan. Bagi saya sabar, bagi saya cara macam mana nak

mengatasi. Sembahyang, jangan tinggal solat, bangun malam tahajjud dua rakaat pun *takpe* [tidak apa-apa], bila dah solat malam, jangan masuk bilik air pastu tidur balik, sembahyanglah dua rakaat mohon pada Allah bagi yang terbaik, insyaAllah, Allah akan bagi yang terbaik. Kita kena yakin. Saya bukan ada kelulusan tinggi, bukan saya ada, saya *takde* [tiada]. Cuma cita-cita saya syarikat saya biar bertambah maju, *nak* [hendak] biar besar, makanan orang Islam semua saya nak buat. Selagi saya boleh buat saya buat dan saya *nak* [hendak] bayar zakat yang terbanyak di Malaysia. Itu hasrat sayalah. Jadi sekarang Alhamdulillah, kita pun dah [sudah] ada daripada beras, kita ada rempah. Rempah kita ada macam-macam. Mula-mula kita ada rempah kari ikan, rempah daging kurma, rempah sup kan. Sekarang kita ada rempah bukhari, biryani, kita ada paste, berbagai-bagai. Beras pun dulu beras A1 A2 B1 B2 tempatan. Mana ada lagi. Sekarang kita dah ada macam-macam jenis beras dan sekarang kita ada ketupat, kita ada kicap, kita ada tepung. Kita ada mi, mi kita buat sendiri. Mana ada orang nak buat mi. Saya ada kilang saya dekat depan sana. Bukan dalam kawasan ni, di tempat lain. Ketupat ada di sini. Jadi kita cuba untuk membesarkan syarikat daripada kita buat makanan yang “halalan toyyiban” (makanan yang disahkan oleh JAKIM dan halal untuk dimakan) untuk orang Islam.

NA : **Bagaimana puan hajah boleh terfikir untuk membuka kilang di kawasan Batu Pahat?**

PHF : Sebab saya duduk di Batu Pahat. Padahal saya ada cawangan di tempat lain juga. Dekat Kedah saya ada dekat Sungai Petani.

NA : **Bukan di Batu Pahat sahajalah?**

PHF : *Tak* [tidak]. Dekat Subang ada, dekat USJ. Dekat USJ ada kilang pemprosesan beras. Dekat Sungai Petani pun ada cawangan pemprosesan juga. Terengganu, siapa yang daripada Terengganu tadi?

NA : **Saya.**

PHF : Kita ada di Terengganu tapi kita tak proses beras. Sekadar pengedar sahaja. Tapi pekerja kita, kita sewa tempat, kemudian kita hantar beras ke sana, simpan di sana. Ada ketua, ada *salesman* [jurujual], ada kerani, ada semua sekali. Di Kedah dulu pun kita buat macamu, selepas namapak ada potensi bagus, kita pasang mesin kat sana, jadi mereka boleh paket dekat sana. Terengganu belum lagi kita buat sebab nampak *slow* [perlahan] sikit. Terengganu tak berapa sangat, jadi kita nak cari tempat lain. Kawasan yang sekarang ni agak tak strategik mungkin. Jadi kita nak cuba untuk cari tempat lain. Jadi

kalau lebih maju, baru kita pasang mesinlah.

NA : Di Terengganu di mana?

PHF : Terengganu dekat mana, entah apa nama di Terengganu. Sebab tak *famous* [terkenal] sebab saya pun jarang pergi. Kalau Kedah saya selalu pergi Sungai Petani. Suka saya pergi sana (bunyi orang ketawa) sebab dia maju, kilang besar, cantik. Kalau Terengganu jarang sekali saya pergi. Jadi saya tak ingat dekat mana. Nanti saya tanya kerani saya dia tau tak tempat di Terengganu. (Perbualan Puan Hajah Faiza melalui telefon). Kawasan perindustrian Gong Badak. *Nak tau* [hendak tahu] anak-anak makan beras apa di sana? Kita ada kempen beras__ beli beras lain rempah lain (ketawa.)

AA : Mak saya memang guna Faiza dekat sini. Kalau di sana, kongsi beli beras, jadi beras yang kawan saya beli, saya makan je [sahaja] (bunyi orang ketawa)

PHF : Kena kempenlah kena *bagitau* [beritahu] nak dapat pahalakan. Kempenlah. Beli produk keluaran orang Islam. Ini cik ke puan?

- NA : Cik. Saya dekat sana susah sikit nak cari rempah ratus faiza.**
- PHF :** Itu yang saya *nak* [hendak] dengar. Jadi saya akan *bagitau* [beritahu]. Duduk di mana? Nanti tuliskan alamat *sume* [semua] sekali, kedai-kedai mana nanti saya *bagitau* [beritahu] sebab dekat sana tu [itu] memang lembab sikit (ketawa). Pekerja sana pun sama. Jauh ke dari Gong Badak? Sebab kita ada lori dan semua kemudahan, jadi dia boleh hantar.
- NA : Machang tempat belajar, Setiu rumah keluarga. Beras keluaran Faiza pun susah sikit nak cari dekat sana. Kiranya banyak beras keluaran lain. Tak [tidak] jauh sangatlah.**
- NA : Pada awal permulaan puan hajah dalam bidang perniagaan, berapa ramai pekerja yang puan hajah ambil?**
- PHF :** Saya masa mula-mula berniaga rempah, saya ambil budak perempuan ada dalam *tiga belas* [13] orang. Semua perempuan. Jadi kalau saya pergi saya bawa dua orang. Kita *tiga* [3] orang perempuan, dah lama-lama baru saya ambil lelaki. Kita tak cukup satu kenderaan jadi saya ambil lelaki. Jadi saya bawak satu kenderaan, lelaki bawak satu. Kemudian tambah lagi ambil lagi sampailah satu masa saya tak pergi dah, mereka yang sendiri pergi menghantar rempah. Yang beras pula, mula-mula saya ada juga hantar. Saya pakai lori satu tan. Saya bawa

sendiri?

NA : Puan hajah bawa sendiri? (Bunyi orang ketawa).

PHF : Ya, bawa sendiri lori satu tan (bunyi orang batuk). Kita bawa lori satu tan, kita hantar dekat pasar sini. Saya duduk Batu Pahatkan. Kadang-kadang *drebar* [pemandu] tak datang ke, dia pergi tempat lain ke. Anak saya yang lelaki ada lesen besar. Dia boleh bawa *treler* (lori lapan tayar). Dia balik dari luar negara terus berniaga. Terus bantu dan dia tak pernah makan gaji. Dia buka kilang sendiri, sebab dia lagi pandai jadi dia buka Iman Kargo (Syarikat yang membuat urusan keluar masuk import export) *transport* [kenderaan]. Jadi kita punya *transport* [kenderaan] pun guna *transport* [kenderaan] dia. Ketupat pun dia buat. Itu *company* [syarikat] lain bukan syarikat Faiza.

NA : Syarikat dia? Maksud saya syarikat anak puan hajah sendiri?

PHF : Ya. Dia ada syarikat Iman Kargo, syarikat lain iaitu Farhan Food syarikat dia, dan ada beberapa *company* [syarikat] lain tapi yang mengedar syarikat Faiza. Yang edar barang semua disini. Sebab itu disini lebih besarkan. Syarikat sini dapatlah untung sikit. Tampung beras, sebab beras bukan untung sangatkan. Jadi dapatlah menampung

sikit. Macam saya pula, ada Faiza Food Industri Sdn Bhd. Yang rempah-rempah daripada Faiza Marketing. Semuanya atas nama Faiza.

NA : Berapakah gaji yang puan hajah bayar untuk seorang pekerja pada awal permulaan?

PHF : Dulu murahlahkan. Dulu baru tiga ratus empat ratus. Sekarang pegawai yang saya ambil dulu dua ribu [RM2000] tiga ribu [RM3000] sekarang dah lapan ribu [RM8000].

NA : Ada tak pekerja yang daripada dulu hingga sekarang yang masih bekerja dengan puan hajah?

PHF : Ada. Dua puluh tahun lebih ada beberapa orang. Ramailah. Yang lima belas tahun. Kita nak buat Hari Keluarga Syarikat Faiza *tujuh belas mei* [17/5] ini. Baru semalam dia bincang dengan saya. *Lima* [5] tahun kerja berapa hadiahnya, *sepuluh* [10] tahun kerja berapa, *lima belas* [15] berapa, *dua puluh* [20] tahun berapa.

NA : Hendak memberi sumbangan kepada mereka?

PHF : Ya. Nak bagi sumbangan. Pekerja saya Alhamdulillah *takde* [tiada] masalah. Dia boleh kerja lamalah.

NA : **Berapakah anggaran keuntungan awal masa puan hajah bermula untuk perniagaan ini?**

PHF : Saya *taktau* [tidak tahu] anggarannya. Sebab dulu saya berniaga campur-campur. Semua rempah, beras, kedai, pasar mini Faiza pun ada. Semua satu akaun, satu bank, satu kira-kira. Saya buat semua pakai tangan. Apabila dah Nampak macam nak membesar, saya pun dah *tak* [tidak] boleh lagi. *Taktau* [tida tahu] mane rugi mana untung (bunyi orang ketawa). Jadi saya *separatelah* [asinglah], mini *market* [pasaraya] lain, pekerja pun lain-lain, beras lain, rempah lain. Mula-mula tu baru titalah. Sekarang dah lagi banyak, jadi saya asingkan dan jaga sendiri-sendiri.

NA : **Untuk pemprosesan produk-produk keluaran Faiza, berapakah jenis dan bilangan peralatan yang digunakan?**

PHF : Kita guna banyak, _kita pakai. *Stoner* (kaedah untuk membuan batuan) kita pakai, *packaging* [pembungkusan] automatik kita pakai, manual pun kita pakai, semua kita pakai. Kalau nak masuk kilang,

nak tengok pun boleh. Nanti lepas *ni* [ini] boleh *mintak* [minta] *nak* [hendak] masuk dalam kilang

NA : Pada awal pembukaan kilang puan hajah, berapakah kos peralatan disini?

PHF : Saya masa mula-mula saya sewa kedai satu pintu *je* [sahaja]. *Lepas tu* [selepas itu] saya beli. Saya beli dari persatuan *nilayan* [nelayan]. *Lepas tu* [selepas itu] saya letak machine satu *tu* [itu] mudah senyilu. *Lepastu* [selepas itu] saya *dah nak* [sudah hendak] beli lori dah [sudah] *tak de* [tiada] duit saya *pigi* [pergi] pinjam daripada Maybank *tujuh ratus ribu* [700 000]. Saya beli lori satu tan beli kereta satu untuk *salesman* [jurujual]. *Salesman* [jurujual] *pigi* [pergi] ambil *order* [tempahan] itu kereta itu anak saya perempuan pakai buat *pigi* [pergi] ambil *order* [tempahan]. Ambil *order* [tempahan] *pulak* [pula] *lepas tu* [selepas itu] *pigi* [pergi] hantar. Masa *tu* [itu] belum banyaklah, dekat-dekat. *Pastu*, [selepas itu] lama-lama saya tengok pasaran agak menggalakkan saya ingin nak buat kilang atas tapak tanah sendiri dekat Berserai. Jadi, *bila* [apabila] saya dekat sana *tu* [itu] duit *dah* [sudah] habis *dah* [sudah]. *Takde* [tiada] duit saya tengah pasang cacak kayu bakau dia duit *dah* [sudah] habis. *Tak* [tidak] boleh buat macam mana *nak* [hendak] buat ni [ini].

Penghabisan saya cuba *nak* [hendak] pinjam-pinjam tanya sana sini. Dia kata ada Tabung Usahawan Bumiputera TUB dulu [dahulu] ada. Saya mohon, Alhamdulillah saya dapat *tiga point tujuh juta* [3.7 juta] daripada kerajaan. Itu saya kata, kerajaan Malaysia *ni* [ini] kerajaan yang terbaik *tak* [tidak] *tau* [tahu] apa yang *nak* [hendak] diubah dah bagi amanah kita dah aman apa semua. Dia bagi *tiga point tujuh juta* [3.7] tau-

NA : Untuk buka kilang?

PHF : Untuk sayalah dia bagi untuk modal, untuk buat kilang, untuk mesin-

PHF : *Tu* [itu] tahun *Sembilan* puluhan [90-an], tahun *lapan puluh* [80] lebih macam tu [itu]. Bukan itu *aje* [sahaja], *lepas tu* [selepas itu] bukan kita dapat *loan* [pinjaman] untuk terus bayar, *lepas* [selepas] *enam* [6] bulan baru kita bayar.

NA : Jadi, kilang pertama di Peserai?

PHF : Di Peserai.

NA : Buka lagi atau sudah ditutup?

PHF : *Sinilah* [di sini lah] baru kita beli *ni* [ini] *empat* [4] ekar setengah. Disana *tu* [itu] dia *se* [1] ekar lebih *je* [sahaja]. *Tak* [tidak] besar jadi *bila* [apabila] kita dah banyak, lori pun dah *jammed* [sesak] di Peserai *tu* [itu]. Orang pun *dah* [sudah] kompelin kan kawasan perumahan *tapi* [tetapi] tanah tu industry. Industri tanah *tu* [itu], *bila* [apabila] cari-cari tanah pun *tak* [tidak] dapat. Ini pun yang *last* [terakhir] saya dapat *empat* [4] ekar lebih *ni* [ini] jadi saya buat kilang dekat sini. Kita *tak* [tidak] dapat tanah yang sesuai untuk buat kilang sini semua cina *tak* [tiada] orang islam. Ini pun pasal JCORP (Johor Corporation). Kalau *tak* [tidak], *tak* [tidak] dapat juga. *Pastu* [selepas itu] sebelah itu kita *nak* [hendak] beli *sikit* [sedikit] sebahagian pun *tak* [tidak] dapat *dah* [sudah].

NA : **Di sebelah sini?**

PHF : Yaa, sebelah kosong *ni* [ini]. Dia tambak *tu* [itu]. Cina *tu* [itu] kongsi-kongsi beli semua sekali *tak tau* [tidak tahu] berapa -

NA : **Adakah untuk di buat kilang juga?**

PHF : Tak *tau* [tidak tahu], mestilah sini kawasan industri. Semua sekali kawasan industri. Kita *nak* [hendak] beli tanah *sikit* [sedikit] *pasal*

[sebab] menapak *dah* [sudah] sini *lima* [5] tahun. Nampak macam Alhamdulillah *dah* [sudah] bertambah stabil, *nak* [hendak] tambah tanah *dah tak* [sudah tidak] boleh *dah tak de* [sudah tiada]

NA : **Dia tidak bagi ke?**

PHF : Bukan *tak* [tidak] bagi, *dah* [sudah] orang lain beli...Hmm *tu* [itu] lah.

NA : **Berbalik pada jenis produk puan hajah *tu* [itu], jenis beras untuk A1, A2, B1,B2 (jenama beras) -**

PHF : Sekarang kita ada bhasmathi kita ada beberapa gred, kita ada Kashmir, ada beras maharani. Itu semua jenis bhasmathis Kashmir, maharani, kohino, monghul *satu* [1] monghul *satu* [1] monghut biasa *saja* [sahaja]. Jadi, kita ada *lima* [5] jenis bhasmathi yang termahal sekali kohino sebab kihino *dua* [2] sama *lima* [5] kilo. Beras mahal yang lain *lima* [5] kilo *je* [sahaja] kita ada *sepuluh* [10]

NA : **Sumber beras tersebut puan hajah dapat daripada mana?**

PHF Daripada Pakistan, India luar Negara dan beras wangi kita ada beras

wangi dari Thailand. Pulut pun kita ambil dari sana sebab kita sini *tak* [tidak] ada pulut susu, pulut biasa, pulut hitam, semua kita ada sekarang pulut hitam, *brown rice* [beras perang] ada beras nasi dagang -

PHF : Haa, yang di Kelantan *tu* [itu] yang suka makan nasi dagang *tu* [itu]. Beras nasi dagang semua sekali *tu* [itu]. Jadi, kita *dah* [sudah] bertambah lah beras tempatan kita ada bunga raya dan faiza mas -

PHF : Itu beras tempatan ada *tak* [tidak] banyak gred lah ada *dua* [2] gred *je* [sahaja] tempatan

NA : **Bagaimana cara untuk puan hajah mengenal pasti gred-gred beras tu?**

PHF : Kita tengok kualiti beras dan panjang kurus macam dia. Kita ada analisis, kita ada makmal yang *check* [periksa] beras ni. Kalau beras tempatan *tak* [tidak] payah *check* [periksa] lah memang itu *aje* [sahaja] yang ada. Kalau kita beli luar Negara, kalau kita pergi sendiri luar negeri kita *check* [periksa] tengok beras apa yang kita hendak. Lepas *tu* [selepas itu] kita kasi *tau* [beritahu] BERNAS (Padiberas

Nasional Berhad) sebab apa, hanya BERNAS (Padiberas Nasional Berhad) sahaja yang ada yang lain *tak* [tidak] boleh import

Memang kena asing-asingkan kerajaan yang *control* [kawal]. *Bila* [apabila] kita dah tengok beras baru kita pergi *kasi tau* [beritahu] kita *nak* [hendak] beras ini beras ini kilang itu kilang ini. Dia import kita beli lah dengan dia. *Lepas* [selepas] kita beli kita gred kita jual. Kalau dia ada hancur *sikit-sikit* [sedikit-sedikit] kita buang yang hancur dia. Hancur dia kita buat lain lah. Kita nak bagi kualiti yang lebih cantik kan.

NA : Apakah beza antara beras tu semua, macam yang puan hajah cakap tadi antara beras yang paling mahal tadi tu dengan beras mongul tu?

PHF : Kohino? Dia lebih sedap, dia bau dia sedap, dia *slim* [langsing], beras dia *tu* [itu] macam orang kalau *slim* [langsing] orang suka, cantik *aje* [sahaja] *slim* [langsing]. Badan dia beras dia pun dia panjang kurus-kurus *je* [sahaja]. Yang lain kadang gemuk *sikit* [sedikit] kadang pendek *sikit* [sedikit], haa, sebab itu lah. Dia ikutkan gred dia. Kita tengok berapa dia punya mm (milimeter) dia, berapa dia punya *tu* [itu] haa macam *tu* [itu] harga pun *tak* [tidak] sama. Kita beli dekat sana *tak* [tidak] sama tanaman pun lain-lain. Macam kita dapat beras

Taj Mahal yang bagus untuk kesihatan kan, kalau ada orang kencing manis ke ada orang badan gemuk dia *tak nak* [tidak mahu] makan sebab beras kan contoh kita makan tambah berat badan kan, makan beras Taj Mahal sesuai taj mahal memang berkahsiat, organic beras *tu* [itu] lain pada yang lain beras *tu* [itu] (bunyi cawan berlaga) nak minum air tak? Saya pun dah haus (bercakap telepon). Kita ada air mineral, nak bagi air mineral kita punya mineral, kita masuk dalam botol. Sekarang orang nak minum kita ada air mineral tapi bukan gali sendiri, bukan, kita ada satu orang islam lah orang kita yang buat di machap. Pasaran dia agak terhad kan jadi dia guna nama Faiza, dia paket semua sekali, kita edar, jadi kita dapat bantu dia. Tu saya kata, tujuan saya kan nak [hendak] majukan orang islam kan, dapat bantu membantu kan jadi kalau orang lain ada produk yang berkualiti tinggi nak gunakan nama, boleh, memang saya ambil.

NA : Berapa banyakkah pengeluaran beras ataupun rempah-rempah ratus dalam setahun ke sebulan ke, macam jumlah pengeluaran semua sekali?

PHF : Pengeluaran banyak juga lah dalam *enam ke tujuh* [6-7] ribu tan sebulan. *Pasal* [kerana] banyak jenis-jenis rempah kan, saya nak kira kuantiti dia banyak gred kan

NA : **Memang rempah tersebut lain?**

PHF : Lain, memang lain, rempah lain pekerja pun lain

NA : **Kilang rempah itu di mana?**

PHF : Kawasan sini juga lah kilang dia tetapi tahun ni [ini] kita nak pindah ke Bandar Estet. Kita dah beli sini, sini sewa- . Ye, sini beli yang beras. Ini cerita rempah. Rempah kita ikut SME bank. Kita masuk situ ambil *empat* [4] lot untuk *packaging* [pembungkusan] untuk pasang mesin kan. Sekarang dapat tanah dekat Bandar Estet dekat Nilai anak saya buat *kat* [dekat] sana. Kilang rempah dekat sana.

NA : **Setakat ini berapakah bilangan cawangan kilang yang masih beroperasi?**

PHF : Yang beroperasi kilang Batu Pahat *satu* [1] Subang *satu* [1], Kedah *satu* [1] itu yang buat *packaging* [pembungkusan] lah. Yang hanya mengedar saja Pasir Gudang, sama Terengganu. Dan kilang dan *packaging* [pembungkusan] tiga [3] *aje* [sahaja] sini KL (Kuala Lumpur) sama Kedah. Itu *tiga* [3] memang proses yang lain *tak* [tidak] proses. Yang lain jual *aje* [sahaja] macam Pasir Gudang pun

bukan kilang, kedai. Dia memang khas beras kita *je* [sahaja]

NA : Sekarang berapa anggaran kenderaan yang macam lori untuk hantar barang?

PHF : Lori ada berapa *je* [sahaja] *ye* [ya]? Boleh tahan jugaklah. Berpuluh lori lah ada cukup. Kita *tak* [tidak] pakai lori orang. Kita guna lori sendiri

NA : Dia hantar ikut masa ataupun *tak* [tidak]?

PHF : Tak [tidak], dia ikut laluan, ikut *salesman* [jurujual], macam kalau kawasan Johor, *HQ* [head quartes] kita hantar lah. Kalau di kawasan KL pulak kita tengok setakat sempadan mana. Orang KL pulak hantar. Kedah hantar. Maksudnya dia ada *salesman* [jurujual] sendiri dekat sana jadi *salesman* [jurujual] balik ambil *order* [tempahan]*je* [sahaja]

NA : *Salesman* [jurujual] yang akan pergi ke kedai-kedai tersebut?

PHF : Ya, kedai-kedai. Macam tiap-tiap kawasan kita ada lain orang. Dia

tak [tidak] boleh bertembung macam tiap-tiap satu ketua dia ada *lapan* [8] orang bawahan dia, ada yang *Sembilan* [9], ada yang *sepuluh* [10], ada yang *lima* [5] je[sahaja]. Dia tengok pada kawasan besar ke kecik. Dia jadi ketua nya tu [itu] dia buat jadual dia mengarahlah kawasan bandar Batu Pahat tu siapa, kawasan kampung *sikit* [sedikit] macam itu siapa, kawasan Johor Bharu tu siapa. Jadi bila Johor Bharu buat *order* [tempahan] barang-barang tu- . Eh, *tak* [tidak] banyak. *Salesman* [jurujual] kita banyak. *Salesman*[jurujual] kita sini *je* [sahaja] *dah* [sudah] *dua puluh* [20] lebih untuk sini sahaja. Lebihlah, saya sendiri pun *tak* [tidak] ingat sebab dia *tiap-tiap* [setiap] kawasan lain-lain macam Terengganu, dia ada ketua dia ada berapa. Dia *hypermarket* [pasaraya] dia orang lain. *Hypermarket* [pasaraya] dia pergi tengok barang cukup ke tak [tidak] nak tambah stok ke, tukar ke apa ke. Dia ada tugas dia untuk *hypermarket* [pasaran] tu. Yang untuk kedai-kedai runcit, kedai runcit je [sahaja], yang itu bagi yang kawasan. Haa macam *tu* [itu] dia pergi cari sendiri la kedai, kita dah bagi kawasan dia pergi cari kedai-kedai.

NA : Ada tak kedai yang btidak mahu ambil beras daripada puan hajah?

PHF : Ada, kadang dia kata banyak stoklah, tunggu lain kalilah jadi

salesman [jurujual] yang rajin dia kena pergi banyak kali dia dapatlah *tackle* [pikat] *customer* [pelanggan] *tu* [itu]. Kalau *salesman* [jurujual] yang malas dia pergi *dua ke tiga* [2-3] kali orang *tak nak*[tidak mahu] sudahlah. Saya pun pernah pergi sampai *lima belas* [15] buah kedai cina untuk ambil rempah *aje* [sahaja] *dulu* [dahulu]. *Dulu* [dahulu] satu rempah *sepuluh* [10] sen

NA : Satu rempah *sepuluh* [10] sen?

PHF : Ya, satu *sepuluh* [10] sen dulu nak suruh ambik satu bungkus *tu* [itu] ada dua puluh *empat* [24] baru *satu* [1] ringgit lebih pun *tak nak* [tidak mahu]. Kedai bangsa lain kan bila kita selalu sangat pergi, rajin, lama-lama nyonya (perempuan pemilik kedai) dekat kedai tu dia kata “haiya, lu la selalu mari-mari”, saya kata “jangan takut, saya datang *tiap-tiap* [setiap] *dua* [2] minggu. Awak ambillah *satu* [1] kita cari barang-barang bukam rempah-rempah *je* [sahaja], banyak barang lain, macam-macam kita paket-paketkan” baru dia ambil *satu* [1]. *Satu* [1] *tu* [itu] *seringgit enam puluh sen* [RM 1.60]. Rempah *tu* [itu] kalau nak cerita *masa* [semasa] mula-mula berniaga memang *tak* [tidak] habis tau, awak *tak* [tidak] boleh balik ini hari. Tapi lama-lama jadi kawan dekat cina *tu* [itu]. Lain kali kita pergi dia ambil *dua* [2] barang, lain kali dia ambil *tiga ke empat* [3-4] baran. Jadi baiklah, itu

lah. []. Awak berdua belajar tahun berapa ya?

NA : Tahun ke tiga [tiga] tapi semester lima [5].

PHF : Baru tahun *ketiga* [ke-3]? Lagi setahun ke?

NA : Ya, lagi setahun.

PHF : Ambil IT (Teknologi Maklumat) berapa tahun?

NA : *Tiga tahun setengah* [3 1/2]. Ada lagi *dua* [2] semester lagi.

PHF : Jadi, besok [lain kali] rancangan nak buat apa? Saya pula yang soal []

-TAMAT BAHAGIAN B-

BAHAGIAN C : PENCAPAIAN & ANUGERAH

NA : **Sekarang kita akan soal tentang pencapaian puan hajah pula.**

PHF : Pencapaian dari segi?

NA : **Dari semua aspek. Dalam perniagaan terutamanya. Soalan saya adakah puan hajah pernah terlibat dalam siding media televisyen? Dalam Bersamamu (rancangan TV)?**

PHF : Ya, ada. Semalam tengok tak? Tonton tak [tidak] Bersamamu?

NA : **Tidak tonton.**

PHF : Tengok *tak* [tidak] kem remaja *tu* [itu]? Best. Kem remaja *tu* [itu] saya tengok dekat bilik *je* [sahaja], anak saya tengok bola juga tapi saya tengok dekat bilik tengok kem remaja. Bagus betul semalam. Dia ada buat kem remaja *tu* [itu] untuk tolong anak-anak program Bersamamu selama beberapa tahun *tu* [itu] kan. Ada yang sudah sekolah menengah, ada juga yang sudah masuk universiti, ada yang sekolah rendah kumpul *tu* [itu]. Budak- budak remaja **tu** [itu] dia buat kem *tiga* [3] hari. Dia jemput saya. Saya pergilah. Saya bagi ucapan

saya jumpa anak-anak. Seronok semalam saya tengok. *Lepas tu* [selepas itu] semalam dia tayang saya banyak. Selalu jarang dia tayangkan selalu dia cakap *aje* [sahaja] kan tapi semalam saya pun keluar dekat tv (televisyen) dengan budak-budak *tu* [itu] pun jemput. Ada gambar dekat sana masa tu. Kem *tu* [itu] dibuat di KL (Kuala Lumpur)

NA : Dekat KL (Kuala Lumpur) masa yang puan hajah sibuk ketika saya telefon itu ke?

PHF : Tak [tidak] bukan, ini dia buat di KL (Kuala Lumpur), buat di Selangor (bermain dengan telefon) telefon baru tengah belajar, *tak tau* [tidak tahu] mana hilang gambar ni [] (bercakap di telefon dalam bahasa arab) []. Ni gambar masa majlis tu [itu]. Gambar lain dia tak [tidak] bagi lagi, dia baru bagi satu. Dia FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) ada sponsor buah-buahan, ini nangka itu.

NA : Nangka madu?

PHF : Macam-macam ada [] (bercakap dengan cucu) []. Ini cucu saya

NA : **Kerja disini juga?**

PHF : Ya, kerja disini, bahagian HR (Human Resource- Sumber Manusia)

NA : **Sudah tamat belajar?**

PHF : Sudah, ni cucu pertama yang bekerja dengan saya. Lagi *sorang* [seorang] *tengah* [sedang] belajar nak jadi akauntan, lagi *sorang* [seorang] ambil medic [perubatan], cuba minum air, saya pun haus juga.

NA : **Baiklah. Selepas produk keluaran puan hajah keluar di media Bersamamu, bagaimanakah tarikan dan reaksi orang ramai terhadap produk puan hajah? Adakah semakin menggalakkan atau bagaimana?**

PHF : Ya, ada, banyak. Kita bagi kesedaran pada orang ramai yang sebenarnya saya buat program *ni* [ini] untuk orang-orang yang kurang bernasib baik sebab bukannya semua orang senang dan, saya suka untuk membantulah dan secara tak langsung pun orang dapat kenal produk kita. Jadi, kata orang *dua dalam satulah* [2 dalam 1] kita dapat pahala. Orang beli barang pun dapat pahala, jadi bila kita jual banyak, lagi banyak kita boleh menyumbang, betul *tak* [tidak]? Tapi kalau

orang *tak* [tidak] beli produk kita macam mana kita nak bantu orang? Jadi, balik dari sini nanti kena beli produk Faiza. Jangan beli produk *lain* (gelak) kempen bagi pada keluarga lain. Mana-mana kedai yang *takde* [tiada] boleh bagitau. Lain kali saya boleh suruh mereka cari lagi kedai sebab kita banyak barang, maknanya kedai runcit *tu* [itu] saya rasa ada beberapa puluh jenis barang boleh ada produk Faiza punya. Dekat kedai runcit ada sesetengah kedai dia tak nak ambil dia kata sudah banyak. Dia ambil *sikit* [sedikit] *je* [sahaja]. Contohnya kalau kita ada rempah kita ada *dua belas* [12] jenis dia ambil *tiga* [3] *je* [sahaja] dia *tak* [tidak] ambil semua. Kalau ambil semua lagi bagus lah.

NA : Boleh puan hajah ceritakan jenis pengiktirafan yang diterima oleh puan?

PHF : Alhamdulillah. Adalah. Ada Wanita Nadi Negara, ada anugerah Maulidur Rasul Kebangsaan pun ada. Ada *five s* (5s). Ada macam-macam, nanti tanya pembantu saya. Ada banyak dia rekod. Saya cerita satu-satu saya pun pelupa *tak* [tidak] ingat. Ada macam-macam. Buat dekat sini pun ada, dekat KL (Kuala Lumpur) pun ada.

- NA : **Dari tahun bila puan *start* [mula] mendapat anugerah?**
- PHF : Banyak, bertahun-tahun, yang *last* [akhir] di Kedah, eh di Kelantan. Kelantan yang bagi saya Master (sijil pembelajaran), Sultan Kelantan. Baru lagi (bunyi laci ditarik). Ini sijilnya. Sebab saya banyak terlibat dalam aktiviti, NGO (Badan Bukan Kerajaan) pun saya terlibat, dekat PERKIM (Pertubuhan Kebajikan Malaysia) wanita pun saya pengerusi cawangan Batu Pahat, wanita lepas tu [selepas itu] Amanah Anak Yatim, *pastu* [selepas itu] _ _ Hospital, *pastu* [selepas itu] maknanya dalam UMNO (United Malays National Organization) pun saya AJK (Ahli Jawatankuasa) jadi kita libat diri dalam syarikat *ni* [ini]

NA : **Adakah puan ingin memperluaskan lagi empayar perniagaan puan ini?**

PHF : InsyaAllah kalau boleh memang saya *nak* [hendak] *tiap-tiap* [setiap] *nigiri* [negeri] ada- -- kilang Faiza.

NA : **Hingga ke luar negara?**

PHF : Dekat luar Negara beras *tak* [tidak] boleh, rempah kita, rempah kita *dah* [sudah] hantar. Luar negara ada rempah Faiza.

NA : Dimana negara yang mendapat bekalan rempah Faiza?

PHF : Itu anak saya yang uruskan. Dia memang hantar diluar Negara, hmm ada hantar Australia, ada hantar Brunei, ada hantar Singapura, ada hantar Saudi, ada hantar Jepun hari itu kata, tspi tak tau [*tidak tahu*] lah, hasil kita ada hantar luar Negara. Rempah sahaja tapi beras *tak* [*tidak*] sebab beras makanan kita sini *tak* [*tidak*] cukup kita pun import kan, *tak* [*tidak*] kan ni, jadi kita--

NA : Dalam beberapa anugerah yang puan dapat ni [ini], mana yang puan rasa paling berharga?

PHF : __ ada *tak* [*tidak*] gambar (beri sijil Master). Eh, siapa yang ambil gambar *ni* [ini], mana hilang gambar *ni* [ini], ada gambarlah.

NA : Okay, berbalik pada anugerah tadi, dalam banyak-banyak anugerah, mana yang puan rasa yang paling puan sayang sekali?.

PHF : *Takde* [tiada] apa sebenarnya, anugerah tu [itu] bukan hak kita, hak Allah, kita pinjam sementara aje [sahaja]. Jadi *takde* [tiada] apa yang kita banggakan. Suka memang sukalah orang bagi kan? Tapi *takde* [tiada] sampai kita nak, sampai bila kita nak bangga kan benda *tu* [itu]

kan benda dunia *je* [sahaja]. Kita harap Allah s.w.t yang bagi kita anugerah, *tu je* [itu sahaja]. --- (bunyi telefon).

NA : Adakah puan hajah berpuas hati dengan pencapaian puan hajah sekarang?

PHF : Saya kalau boleh nak menambahkan lagi sebab manusia *ni* [ini] *tak* [tidak] habis selagi *tak* [tidak] nyawa. Dia *takkan* [tidak akan] habis. Jadi, ada *nak* [hendak] buat lagi, *nak* [hendak] buat lagi, *nak* [hendak] buat lagi, nak kata puas, Alhamdulillah jauh lebih baik daripada mula kan. Tapi kalau boleh saya *nak* [hendak] kembangkan lagi, *nak* [mahu] bantu orang lagi. Kalau dapat orang yang buat produk tapi *takde* [tiada] pasaran, tapi kualiti baik, kita boleh bagi. Kita boleh tolong pasarkan, saya dapat *share* [kongsi] keuntungan.

NA : Setakat ini apakah sumbangan terbesar puan hajah?

PHF : Sumbangan Maulidur Rasul, Sumbangan bulan Ramadhan, sumbangan kadang-kadang orang *mintak* [minta] bantuan-bantuan. Macam sumbanganlah dan kita ada program BersamaMu. *Ni* [ini] sekolah cacat baru ada, OKU (Orang Kurang Upaya) yang baru semalam *nak* [hendak] *mintak* [minta] dia *nak* [hendak] masak untuk

jual. Dia buat malam amal, dia nak buat Nasi Beriyani (nasi yang dimasak bersama rempah-rempah, sayuran atau daging). Dia *mintak* [minta] bantuan dengan kita bagi beras untuk masak.

NA : Apakah perasaan puan hajah bila dapat membantu golongan-golongan tersebut?

PHF : Memang saya suka nak [hendak] membantu. *Tu je* [itu sahaja]. Tapi, saya berharap pada Allah (s.w.t) jangan saya riaklah. Saya memang *tak nak* [tidak mahu] bangga. *Tak nak* [tidak mahu]. Ada *rizki* [rezeki] kita kongsilah. *Rizki* [rezeki] Allah (s.w.t) bagi. Sebab *ni* [ini] bukan kita punya. Apa yang ada *tu* [itu] bukan hak kita. Semua sekali kita pinjam *je* [sahaja]. Jadi Allah boleh *ambik* [ambil] bila-bila masa *je* [sahaja]. Kita kena redha kalau Allah *nak* [hendak] *ambik* [ambil] baik kesihatan ke harta ke anak ke suami ke apa sajalah. Macam sekarang menantu saya kena sakit *tak* [tidak] sangka kena kanser darah (penyakit yang disebabkan oleh pembentukan sel darah yang kurang matang)

NA : Kanser darah?

PHF : Yalah leukemia, kanser darah (penyakit yang disebabkan oleh

pembentukan sel darah yang kurang matang), dia muda lagi baru *lima puluh* [50] tahun untuk menantu sulung, anak saya yang sulung. Anak saya perempuan dan suami dia. Jadi, *ni* [ini] kesihatan Allah yang bagi, dia cakap dengan saya dia redha. Doa *je* [sahaja] mohon pada Allah dan ubat, usaha jangan putus asa. Usaha kuat, macam *nak* [hendak] buat kimo (kimoterapi- kaedah untuk membunuh sel kanser yang didapati membelah dengan terlalu cepat sehingga menyebabkan berlaku ketidakseimbangan kepada tisu badan) pun ada buat kimo dalam berubat lagi. Orang kata minum itu, minum makan usahakan. Terpulang Allah (s.w.t) segala member kesihatan kita Alhamdulillah

NA : Apakah taraf kesihatan puan hajah sekarang?

PHF : Kesihatan Alhamdulillah, saya *takde* [tiada] kencing manis, saya *takde* [tiada] darah tinggi. Saya *takde* [tiada] jantung, saya *takde* [tiada] apa. Lutut *je* [sahaja] lah sakit *sikit* [sedikit](orang ketawa).

NA : Bagaimana puan hajah menjaga kesihatan puan hajah? Boleh puan kongsikan kepada kami? Bagi tips sedikit.

PHF : Kena bangun pagi sebelum subuh kena bangun. Itu pertama sekali,

jangan tidur *lepas* [selepas] subuh (batuk). Tidur awal. Jangan tengok *tv* [televisyen] sampai pukul *dua belas* [12] ada bola ke ada apa ke jangan _____. *Tak* [tidak] sempat kecuali ada program saya *nak* [hendak] tengok baru pasang, *tak* [tidak] sempat pun nak tengok, jadi kita kena bangun awal pagi yang saya amalkanlah, memang hari-hari kena bangun awal dan saya tidur cepat. Dalam pukul *sepuluh* [10] saya tidur nanti bangun pukul *empat setengah* [4.30] sembahyang mohon pada Allah kesihatan, panjang umur, beri keberkatan pada umur kita. Jadi, kalau kita sihat, kita boleh buat kerja. Kalau *tak* [tidak] sihat, sekarang saya *tujuh puluh dua* [72]

NA : Puan hajah nampak muda lagi (orang ketawa).

PHF : Dah *tujuh puluh dua* [72] bukan *dua puluh tujuh* [27] tau. *Tu* [itu] pelik (ketawa). *Pastu* [selepas itu] saya datang sini *lapan* [8] lebih, *lapan setengah* [8.30]. Tiap- tiap hari rabu saya ada kelas Quran dekat rumah saya. Orang datang belajar ada, guru yang di apa *tu* [itu] yang ada tauliah dari Jabatan Agama lah, buat dirumah saya dah *dua belas* [12], *sepuluh* [10] tahun orang datang belajar. Dia bukan *tak* [tidak] *tau* [tahu] baca, dia *tau* [tahu] baca tapi kadang *tak* [tidak] betul. *Nak* [hendak] *tau* [tahu] makhraj (tempat keluar suara huruf-huruf al-Quran) dia *ni* [ini] ____ nak fasih, *tak* [tidak] betul makhrajnya,

hurufnya, dia belajarlah. Saya pun sambung belajar juga, jadi saya ini masuk lambat *sikit* [sedikit] *Sembilan suku* [9.15] *tak* [tidak] sudah sebab cikgu dia datang pukul *lapan* [8] *pastu* [selepas itu] kita baca cikgu dengar. Ramailah orang lain baca, orang semak kita pun semak. Macam *tu* [itu] macam tadarus (membaca al-Quran secara berkumpulan) tapi *ni* [ini] bukan tadarus. *Ni* [ini] belajar.

NA : Walaupun puan hajah tidak ada masalah kesihatan, pernah tidak puan hajah pergi ke hospital atau klinik untuk *check-up* [pemeriksaan]?

PHF : Ada, saya setahun sekali medical *check-up* [pemeriksaan kesihatan]. Tiap-tiap tahun saya buat. Hmm. Setahun sekali saya ambil untuk keseluruhan *check-up* [pemeriksaan] untuk kanser, apa-apalah. *Check* [periksa] lah semua sekali. Kolestrol (bahan yang lekit, seakan-akan lemak yang terdapat di dalam darah) semua *tu* [itu] lah agak tinggi *sikit* [sedikit] kolestrol saya. Jadi doktor kata, saya kata nak pantang. Doktor kata *tak* [tidak] perlu pantang umur dah *tujuh puluh* [70] lebih. Pantanglah tengok *tak* [tidak] kuat makan macam biasa tapi ubat makan. Tapi, *tak* [tidak] payah hari-hari, kadang *dua* [2] hari sekali. Kadang saya pergi *check* [periksa] darah, dia tegur kolestrol kalau nampak okay, saya berhenti makan kalau nampak naik *sikit* [sedikit]

saya *try* [cuba] makan balik. Haa, itu *je* [sahaja] lah.

NA : Berbalik pada soalan saya tadi (bunyi meja) siapakah kumpulan sasaran puan hajah selain kanak-kanak dan program Bersamamu. Target puan hajah?

PHF : Sekarang saya ada beli rumah untuk buat asrama untuk anak yatim, budak-budak perempuan sahaja. Rumah *tu* [itu] *dah* [sudah] siap, *dah* [sudah] masuk barang separuh, separuh lagi belum masuk, itu cita-cita saya mudah-mudahan sampaikan cita-cita saya. Doakan saya panjang umur. Saya harap saya dapat masukkan kanak-kanak *ni* [ini] (bersin). Hmm... *haritu* [hari itu] saya ada jumpa pengetua sekolah baru pencen untuk *mintak* [minta] tolong dia jaga. Hmm. Budak-budak pun belum ada lagi. Baru isi barang-barang dulu apa semua sekali. Itu saya nak wakaf atas nama arwah *husband* [suami] saya nak jaga.

NA : Setelah asrama tersebut siap dibina, berapakah jarak umur yang boleh menetap di situ?

PHF : *Tujuh* [7] tahun, *start* [mula] daripada darjah satu sampai *empat* [4].

Usia meningkatlah sampai dia *dah* [sudah] habis besar. Kita *ambik* [ambil] yang lain *kecik* [kecil] *pulak* [pula]. Maknanya, sampai university kalau dia *dah* [sudah] habis SPM (Sijil Peperiksaan Malaysia), keluarlah. Kita ganti pula dengan yang lain. Itu yang *last* [terakhir] saya *nak* [hendak] buat insyaAllah. Sebelum *ni* [ini] saya *tak* [tidak] terfikir *nak* [hendak] buat *ni* [ini]. Yang *last* [terakhir] *ni* [ini] saya akan buat *ni* [ini] lah. Hmm. Dan inilah kata orang ini lah hak yang tinggal untuk besok (untuk jangka masa yang akan datang) akhirat. Yelah, yang lain kita buat semua untuk orang kan? *Ni* [ini] *mintak* [minta] mudahan Allah s.w.t terima itu amalan *ni* [ini].

NA : Selain anak yatim, orang yang terkena bencana alam bagaimana pula puan hajah?

PHF : Itu syarikat, ini *personal* [persendirian], ini sendiri. Yang syarikat macam-macam lah, bencana alam la, banjir la, itu macam itu ada. Itu syarikat yang bayar. Ini yang sendiri punya.

NA : Ya, secara *personal* [persendirian] mesti ada yang lainjuga.

PHF : Secara *personal* [persendirian] itu yang sendiri punya. Jadi, budak dekat sekolah, kita bagi ada suruh tahfiz sebelah rumah. Sebelah

rumah yang saya dapat *ni* [ini], sebelah dia *tu* [itu] ada tahfiz, depan ada sekolah arab, sebelah ada sekolah rendah, sekolah menengah Tengku Malim ada. Sekolah apa nama *tu* [itu] ada beberapa sekolah dekat situ. *Tak* [tidak] jauh. Jadi itulah yang__ __ tapi saya *tak* [tidak] *duduk* [tinggal] situ lah. *Tak* [tidak] jaga situ kan. *Takde* [tiada] masa kan. Cari orang jaga Cuma saya *sekali-sekali* [sesekali] boleh *tengok* [melihat] budak-budak kan. Mudah-mudahan kita dapat didik anak-anak yang *kecik* [kecil] ini. Sebab besok (jangka masa yang akan datang- untuk masa hadapan) dia besar dia akan jadi ibu, dia didik pulak anak-anak. Jadi kita kena didik anak-anak dari *kecik* [kecil] kan. Kita *tak* [tidak] ambil yang besar. Susah kita nak *tu* [itu], jaga.

NA : Macam puan hajah cakap tadi puan hajah *nak* [hendak] ambil perempuan sahaja, kenapa ya?

PHF : Sebab saya *tengok* [lihat] ramai asrama lain-lain banyak *laki-laki* [lelaki] dia buat. Macam kawan saya dekat KL (Kuala Lumpur) dia *ambik* [ambil] *laki-laki* [lelaki]. Dia mula suruh saya buat perempuan tapi *tak ada* [tiada] yang *nak* [hendak] *handle* [menguruskan]. Dia suruh saya cari tempat *aje* [sahaja]. Dia kata “hajah cari rumah” cari apa *tu* [itu] nanti semua sekali dia akan urus. Bila saya dapat rumah, saya *dah* [sudah] macam-macam yang saya *dah* [sudah] buat *dah*

[sudah], dia *tak* [tidak] sanggup. Bila dia *tak* [tidak] sanggup, ada kawan saya orang Batu Pahat dia kata, “*tak apa* [tidak mengapa] lah hajah. InsyaAllah boleh buat. Kita sama-sama akan tolong”. *Lepas tu* [selepas itu] saya dapat *pulak* [pula] pengetua sekolah *tu* [itu], ibu tunggal, anak yatim ada *Sembilan* [9] orang, di didik sampai berjaya. Dia kata “saya sanggup jaga”. Dan saya *dah* [sudah] bagi rumah pun dekat ___ tersebut. Kawasan *tu* [itu] ada *empat* [4] buah rumah. *Satu* [1] untuk anak yatim, *satu* [1] untuk pengetua *tu duduk* [tinggal], dua buah *tu* [itu] *sikarang* [sekarang] sewa tapi, nanti bila saya wakaf, dia akan keluar lah. Saya suruh orang yang kerja situ *tu* [itu] *duduk* [tinggal / menetap] dekat situ.

NA : Apakah menu utama puan hajah untuk menjadi seorang ahli perniagaan yang berjaya? Contoh macam prinsip puan hajah.

PHF : Prinsip kita kena *nak* [hendak] *meniaga* [berniaga] yang amanahlah, amanah yang rajin jangan curi timbangan. Kan ada hadis kita orang yang amanah *tu* [itu] akan bersama-sama dengan Nabi s.a.w (salallahualaihiwassallam). Jadi saya *nak* [hendak] yang macam itu lah.

NA : Boleh puan hajah berkongsi nasihat puan hajah untuk orang yang memulakan perniagaan terutama orang islam dan juga orang melayu?

PHF : Yelah, kita kalau *nak* [hendak] mula *niaga* [berniaga] *tu* [itu] saya kata pertama sekali kita kena, bukan kita terus cari modal. Sebenarnya berniaga bukan modal yang dulu. Pertama sekali kita kena ada idea apa kita nak buat, *lepastu* [selepas itu] kita kena ada ilmu. Bila kita ada idea mesti kita nak belajar kan? Ada idea tapi *tak ada* [tiada] ilmu boleh *tak* [tidak]? *Tak* [tidak] jadi. Kita belajar biar ada ilmu. Bila ada ilmu yang ketiga baru kita nak cari, nak cari modal. *Lepastu* [selepas itu] kita buat lah. Apa benda yang kita nak buat *tu* [itu]. Kita kena sabar, kena rajin, kena amanah, kena pandai simpan kira-kira. Jangan buat benda macam beberapa kes kan yang saya jumpa. *Diaorang* [mereka] kadang panggil saya bagi *tips* [nasihat/ petua] untuk usahawan-usahawan *ni* [ini]. Dia kata dia *meniaga* [berniaga] tapi *tak* [tidak] untung. Macam mana nak untung? Kata buat karipap, modal *dua puluh* [20] ringgit kadang *tak* [tidak] sampai *dua puluh* [20] ringgit. Bila kita siasat dia buat karipap, “ambil pagi awak sarapan apa?” “Sarapan karipap”. Kalau ada orang datang kasi *dua* [2], *tiga* [3] biji karipap. Awak kena bayar, awak makan *tu* [itu] berapa biji. Kena ke kalau orang nak jual *dua puluh* [20] sen sebiji. Karipap *tu* [itu] awak makan *empat* [4] biji dah *lapan puluh* [80] sen. Awak kena

bayar *lapan puluh* [80]. Orang datang, awak *tak ada* [tiada] benda lain, awak *kasi* [beri] karipap awak buat *tu* [itu]. Berapa banyak dia makan, awak kena bayar. Dari segi kira-kira *tu* [itu] dia kadang setengah orang *tak* [tidak], dia macam dia kata dia punya. Dia *tak* [tidak] *tau* [tahu]. Kedai runcit pun sama. Saya ada kedai runcit customer (pelanggan) saya sampai *tak* [tidak] boleh bayar hutang. *Masa* [semasa] dia muda-muda boleh bayar hutang bila dapat anak *satu* [1], anak *dua* [2] dia masih lagi boleh bayar hutang. Bila anak *lima* [5] *dah* [sudah] *tak* [tidak] boleh bayar hutang beras. Kita kenapa *ni* [ini] dia kata tak [tidak] untung. Macam mana nak untung, suami kerja apa? Suami bantu dia *kat* [dekat] kedai. Dia suami isteri dekat kedai. Hmm. Macam mana *ni* [ini], suami hisap rokok ambil satu kotak rokok dekat kedai. Anak dia *lima* [5] orang *dah* [sudah] sekolah tadi kan. Sama sekolah rendah, sekolah apa bagi duit belanja hari-hari daripada kedai. Dia nak masak ambil bilis *sikit* [sedikit] ambil bawang *sikit* [sedikit]. Semua sekali *tak* [tidak] berkira. Kita *cakap* [beritahu] *tak* [tidak] boleh, itu bukan rugi habis macam mana *ni* [ini] *nak* [hendak] buat? Suami kena keluar *tak* [tidak] boleh *duduk* [tinggal] *kat* [dekat] kedai, pergi cari kerja luar. Awak kerja makan gaji dekat kedai *ni* [ini]. Ikut pendapatan kedai *ni* [ini] awak *tak* [tidak] boleh main suka-suka ambil. Cuba awak tulis apa yang awak ambil untuk bulan *ni* [ini]. Awak *try* [cuba] dulu. Mula-mula saya *tak*

[tidak] *cakap* [beritahu] *sama* [pada] dia terus. Macam *tu* [itu] saya suruh dia kira dulu. Bila kita pergi lagi sekali bila dia *dah* [sudah] kira dekat *dua ribu* [2000] sebulan dia ambil.

NA : Oohh. Kalau macam *tu* [itu] macam mana *nak* [hendak] **untungan?** (orang ketawa)

PHF : Macam mana kan? Awak nampak *tak* [tidak] ni [ini]... “*Aah ek* [betul lah kan] ingatkan *tak apalah* [tiada] *sikit-sikit* [sedikit]” “eh, *sikit-sikit* [sedikit] apa. Rokok ada berapa rokok? *Lepastu* [selepas itu] anak awak *tu* [itu] *ambik* [ambil] air kotak minum balik sekolah *haus* [dahaga] mak, *ambik* [ambil] air kotak dekat peti sejuk. Awak *nak* [hendak] masak ambil bawang *dua* [2] *tiga* [3] biji, ambil bilis, ambil ayam setengah ekor”. Haa, mana boleh. Suami dia keluar lah cari kerja lain. Dia gaji *lima ratus* [500] ringgit. Dapatlah keuntungan *seribu lima ratus* [1500] satu bulan. Jadilah, bolehlah bayar hutang. Dari segi itu, kita kena jagalah. *Pastu* [selepas itu] sembahyang jangan tinggal. Kita rajin baca surahtul Waqiah (surah yang ke -56 di dalam Al-Quran, terletak pada juzuk ke 27 dan terdiri dari 96 ayat). *Sapa* [sesiapa] baca surahtul Waqiah insyaAllah *tak* [tidak] akan *papa* [papa kedana] (jatuh miskin/ terlalu miskin) dia akan maju, insyaAllah. *Tu* [itu] *je* [sahaja] lah dari saya. Jangan jemu, jangan

putus asa.

NA : Jadi, apakah perancangan puan hajah untuk masa hadapan, masa akan datang?

PHF : Kita hendak cuba buat yang lain-lain. Apa-apa makanan yang lain kita cuba usahakan lah. Jadi kita dapat menambah lagi produk kita. Itu sahaja dari saya.

NA : Setakat itu sahaja lah puan hajah. Terima kasih banyak-banyak puan hajah. Jutaan terima kasih kepada puan hajah kerana sudi meluangkan masa serta sudi berkongsi pengalaman puan hajah kepada kami. Semoga puan hajah sudi bertemu lagi di wawancara seterusnya dan sekali lagi terima kasih puan.

PHF : Okay, [baiklah] terima kasih juga kamu berdua.

Terima kasih diucapkan kepada Puan Hajah Faiza kerana sudi meluangkan masa bersama kami. Maka berakhirlah sesi temuramah bersama Puan Hajah Faiza pada hari ini.

- TAMAT BAHAGIAN C-

RUJUKAN

RUJUKAN

- Syarikat Faiza Sdn Bhd. (2010). *Faiza - Dijamin Suci dan Berkualiti*. Retrieved Mei 20, 2014, from Syarikat Faiza Sdn Bhd Web site: <http://www.faizarice.com/>
- Faiza Marketing Sdn. Bhd. (2010). *Faiza Spices - Suci dan Bermutu*. Retrieved Mei 20, 2014, from Faiza Spices Web site: <http://www.faizarice.com/faizaspices/AboutUs.htm>
- Solid Technology Sdn Bhd. (2011). *Usahawan Beras Faiza*. Retrieved Mei 20, 2014, from Solid Technology Sdn Bhd Blogspot: <http://usahawan-berasfaiza.blogspot.com/p/profil-usahawan.html>
- USAHAWAN-BERAS FAIZA. (n.d.). : *PROFIL USAHAWAN*. Retrieved June 9, 2014, from <http://usahawan-berasfaiza.blogspot.com/p/profil-usahawan.html>
- Profile of IKS Entrepreneurs: Syarikat Faiza Sdn. Bhd. (n.d.). *Profile of IKS Entrepreneurs: Syarikat Faiza Sdn. Bhd.* Retrieved June 9, 2014, from <http://iksprofile.blogspot.com/2012/05/syarikat-faiza-sdn-bhd.html>

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA / TEMPAT DIRUJUK
00:40	LATAR BELAKANG DAN KELUARGA	<ol style="list-style-type: none">1. MESIR2. MALAYSIA3. KAHERAH4. UNIVERSITI AL-AZHAR5. BATU PAHAT6. JOHOR BAHRU7. MERSING8. MUAR9. KLUANG10. MAKTAB PERGURUAN JOHOR BAHRU11. UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
06:06	LATAR BELAKANG PENDIDIKAN	<ol style="list-style-type: none">1. DIPLOMA JAHIT

06:45	KEHIDUPAN SEBELUM BERKAHWIN	<ol style="list-style-type: none"> 1. MESIR 2. MALAYSIA 3. UNIVERSITI AL AZHAR 4. KING FAROUQ
13:40	KEHIDUPAN SELEPAS BERKAHWIN	<ol style="list-style-type: none"> 1. MALAYSIA 2. MELAYU MELAKA 3. JAWA 4. MESIR 5. MAKKAH
15:48	IBU BAPA DAN ADIK BERADIK	<ol style="list-style-type: none"> 1. MESIR 2. MALAYSIA 3. TSUNAMI 4. PULAU LANGKAWI 5. KANSER HATI

BAHAGIAN B: KERJAYA TOKOH

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
17:46	PERMULAAN KERJAYA	<ol style="list-style-type: none">1. DIPLOMA JAHIT2. MERSING3. ORANG ASLI MERSING4. PAK HABIB / LELAKI ARAB5. MARA6. CAP BUNGA RAYA7. KLUANG8. JOHOR9. FELDA10. FAIZA11. LEMBAGA BERAS NASIONAL (LBM)12. MESIR13. AMANAH SAHAM BERHAD (ASB)14. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

		15. PENERUS PERKIM 16. PERLIS 17. KEDAH 18. MUAR
26:30	MODAL PERUSAHAAN	1. MENJAHIT
30:36	LOKASI KILANG PERUSAHAAN BERAS	1. BATU PAHAT 2. SUNGAI PETANI, KEDAH 3. USJ, SUBANG 4. TERENGGANU 5. PROSES BERAS 6. PENGEDAR BERAS 7. KAWASAN PERINDUSTRIA N GONG BADAK, TERENGGANU 8. KEMPEN BARANGAN FAIZA 9. MACHANG 10. SETIU
35:20	PEKERJA DI AWAL PERNIAGAAN	1. BATU PAHAT

		<ol style="list-style-type: none"> 2. LUAR NEGARA 3. IMAN KARGO TRANSPORT 4. FARHAN FOOD 5. FAIZA FOOD ENTERPRISE 6. FAIZA MARKETING 7. HARI KELUARGA SYARIKAT FAIZA
38:10	KEUNTUNGAN AWAL PERNIAGAAN DAN PERALATAN YANG DIGUNAKAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. PASAR MINI FAIZA 2. STONNER 3. PACKAGING AUTOMATIK DAN MANUAL 4. KEDAI SATU PINTU 5. PERSATUAN NELAYAN 6. MAYBANK 7. PESERAI 8. TABUNG USAHAWAN BUMIPUTERA 9. KERAJAAN

		MALAYSIA 10. JOHORCORP
43:13	JENIS-JENIS BERAS	1. BERAS BASMATHI 2. KASHMIR 3. MAHARANI 4. KUHINO 5. MOGHUL 6. PAKISTAN 7. INDIA 8. BERAS WANGI 9. THAILAND 10. PULUT SUSU 11. PULUT HITAM 12. BERAS NASI DAGANG 13. BUNGA RAYA 14. FAIZA MAS 15. BERNAS (BERAS NASIONAL) 16. TAJ MAHAL 17. AIR MINERAL 18. MACHAP 19. ORANG ISLAM
48:16	PENGELUARAN BERAS	1. 7000 TAN

		2. BANDAR ENSTEK
50:30	KENDERAAN YANG DIGUNAKAN SEPANJANG PERNIAGAAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. SALESMAN 2. JOHOR 3. MELAKA 4. KL (KUALA LUMPUR) 5. KEDAH 6. BATU PAHAT 7. HYPERMARKET 8. KEDAI RUNCIT
53:04	KEDAI YANG TIDAK MAHU BEKERJASAMA	<ol style="list-style-type: none"> 1. REMPAH / 10 SEN 2. NYONYA KEDAI 3. IT (INFORMATION TECHNOLOGY)

BAHAGIAN C: SUMBANGAN, PENCAPAIAN DAN HARAPAN TOKOH

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA / TEMPAT DIRUJUK
55:20	TERLIBAT SIDANG MEDIA TELEVISYEN	<ol style="list-style-type: none">1. BERSAMAMU2. KEM REMAJA3. BAS4. KL (KUALA LUMPUR)5. SELANGOR6. FAMA7. HR (HUMAN RESOURCE)8. AKAUNTAN9. MEDIC / DOKTOR
59:23	TARIKAN PRODUK FAIZA TERHADAP ORANG RAMAI	<ol style="list-style-type: none">1. BERSAMAMU2. PRODUK FAIZA
1:01:15	PENGIKTIRAFAN YANG DITERIMA	<ol style="list-style-type: none">1. WANITA NADI NEGARA2. ANUGERAH MAULIDUR RASUL KEBANGSAAN3. 5'S

		<ul style="list-style-type: none"> 4. KEDAH 5. KELANTAN 6. SULTAN KELANTAN 7. MASTER 8. NGO 9. PENERUS PERKIM WANITA BATU PAHAT 10. PEMEGANG AMANAH ANAK YATIM 11. AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL BATU PAHAT 12. AJK UMNO
1:03:05	PERLUASAN EMPAYAR	<ul style="list-style-type: none"> 1. FAIZA 2. LUAR NEGARA 3. AUSTRALIA 4. BRUNEI 5. SINGAPURA 6. SAUDI 7. JEPUN
1:04:38	ANUGERAH YANG PALING	<ul style="list-style-type: none"> 1. HAK ALLAH

	BERHARGA	SWT
1:06:25	SUMBANGAN TERBESAR	<ol style="list-style-type: none"> 1. MAULIDUR RASUL 2. BULAN RAMADHAN 3. LAIN-LAIN BANTUAN 4. BERSAMAMU 5. SEKOLAH CACAT JOHOR BAHRU 6. OKU (ORANG KURANG UPAYA)
1:07:14	PERASAAN MEMBANTU ORANG LAIN	<ol style="list-style-type: none"> 1. KANSER DARAH (LEUKIMIA) 2. KIMOTERAPI 3. ALLAH SWT
1:09:00	KESIHATAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. KENCING MANIS 2. JANTUNG 3. DARAH TINGGI 4. LUTUT

		<ul style="list-style-type: none"> 5. ALLAH SWT 6. KELAS MENGAJI 7. JABATAN AGAMA ISLAM BATU PAHAT 8. TADARRUS 9. HOSPITAL 10. MEDICAL CHECK UP 11. KOLESTROL
1:12:20	KUMPULAN SASARAN	<ul style="list-style-type: none"> 1. BERSAMAMU 2. RUMAH ASRAMA ANAK YATIM PEREMPUAN 3. PENGETUA PENCEN 4. WAKAF 5. AMALAN AKHIRAT 6. BENCANA ALAM 7. TAHFIZ 8. SEKOLAH ARAB 9. SEKOLAH MENENGAH TUNKU

		<p>MARYAM</p> <p>10. KL (KUALA LUMPUR)</p> <p>11. BATU PAHAT</p>
1:16:22	<p>MENU UTAMA / PRINSIP DAN NASIHAT UNTUK MENJADI SEORANG AHLI PERNIAGAAN YANG BERJAYA</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. AMANAH 2. HADITH 3. NABI MUHAMMAD SAW 4. ISLAM 5. KEDAI RUNCIT 6. SURAH AL-WAQ'AH 7. PUTU MAYAM 8. THAILAND 9. ORANG SIAM
1:23:25	<p>PERANCANGAN PADA MASA HADAPAN</p>	

SENARAI SOALAN

SENARAI SOALAN

Bahagian A: Latar Belakang

1. Apakah nama sebenar puan hajah?
2. Apakah nama panggilan puan hajah?
3. Bilakah puan hajah dilahirkan
4. Dimanakah puan hajah dilahirkan?
5. Siapakah nama ibu bapa puan hajah?
6. Apakah pekerjaan ibu bapa puan hajah?
7. Semestinya puan hajah sudah berkahwin bukan?
8. Apakah nama suami puan hajah?
9. Berapakah umur suami puan hajah?
10. Dari manakah suami puan hajah berasal?
11. Dimanakah puan hajah menetap sebelum ini?
12. Apakah pekerjaan suami puan hajah?
13. Apakah taraf pendidikan suami puan hajah?
14. Apakah taraf pendidikan awal puan hajah sendiri?
15. Bagaimanakah kasih bertaut antara puan hajah dan suami?
16. Berapa lamakah perkenalan puan hajah dan suami?
17. Bilakah tarikh berlangsungnya perkahwinan puan hajah dan suami?
18. Berapakah bilangan adik beradik puan hajah?
19. Puan hajah anak ke berapa?

20. Berapakah bilangan anak puan hajah?
21. Apakah status mereka sekarang?
22. Adakah mereka sudah berumah tangga sekarang?
23. Adakah mereka masih tinggal bersama puan hajah atau berdikari?
24. Boleh puan hajah terangkan taraf pendidikan atau pembelajaran anak-anak puan hajah?
25. Apakah taraf pencapaian pendidikan puan hajah pula?
26. Jika tidak keberatan, bolehkah puan hajah berkongsi mengenai serba sedikit zaman kanak-kanak puan hajah sehingga berkahwin sebelum puan hajah mengikut suami pulang ke Malaysia?
27. Apakah pengalaman pahit dan manis sepanjang puan hajah membesar?
28. Bolehkah puan hajah terangkan sekali kenangan bersama suami sebelum puan hajah disatukan?
29. Bagaimanakah puan hajah mengekalkan keharmonian rumah tangga?
30. Sudikah puan hajah berkongsi tips pengurusan rumah tangga?
31. Apakah cita-cita puan hajah ketika kecil
32. Bolehkah puan hajah berkongsi hobi yang dilakukan puan hajah ketika waktu lapang?
33. Apakah yang dilakukan oleh puan hajah selepas tamat belajar
34. Bolehkah puan hajah terangkan pekerjaan awal puan hajah
35. Bagaimanakah kesihatan puan hajah sekarang?
36. Apakah rahsia kesihatan puan hajah?

Bahagian B: Kerjaya

1. Bagaimanakah puan hajah bermula?
2. Seperti yang kami sedia maklum puan hajah mengusahakan perniagaan beras bukan?
3. Bagaimanakah puan hajah boleh terlibat menceburi bidang perniagaan beras ini?
4. Bilakah puan hajah mula terlibat menguruskan bidang perniagaan beras?
5. Apakah bidang pekerjaan puan hajah sebelum menguruskan perniagaan beras?
6. Bolehkah puan hajah menceritakan kerjaya puan yang pernah dilakukan
7. Adakah kerjaya sebelum ini memuaskan hati puan hajah?
8. Apakah yang membuatkan puan hajah terfikir untuk membuka perniagaan beras?
9. Bagaimanakah syarikat beras faiza boleh ditubuhkan?
10. Bilakah tarikh syarikat ini didaftarkan dan diluluskan?
11. Adakah ini warisan turun temurun keluarga puan hajah?
12. Berapakah modal yang diperuntukan bagi membina perniagaan ini?
13. Sudah berapa lamakah puan hajah berkecimpung dalam perniagaan ini?
14. Adakah disini memang menjadi pilihan lokasi awal perniagaan puan hajah?
15. Adakah puan hajah mendapat sebarang bantuan kewangan daripada mana-mana pihak?
16. Apakah cabaran awal puan hajah hadapi di awal perniagaan.

17. Pernahkah puan hajah berasa putus asa
18. Siapakah yang mendorong puan hajah untuk terus berjuang dalam bidang perniagaan ini?
19. Pada awal perniagaan, berapakah bilangan keseluruhan pekerja yang terlibat?
20. Bagaimanakah gaji yang di berikan?
21. Berapakah anggaran keuntungan awal puan faiza
22. Berapa banyak bilangan jenis peralatan yang digunakan dari awal hingga kini?
23. Apakah teknologi yang digunakan?
24. Teknologi manakah yang puan hajah guna?
25. Berapakah kos keseluruhan peralatan tersebut
26. Dari manakah sumber yang diperoleh seperti sumber padi dan juga bahan mentah?
27. Adakah puan hajah turut peroleh beras yang diimport dari negara luar?
28. Berapakah jenis beras yang terdapat dipasaran?
29. Bolehkah puan hajah bercerita tentang proses awal pembungkusan beras sampai diakhir pembungkusan?
30. Bolehkah puan hajah menceritakan satu persatu bermula dari proses menuai padi sehingga ke pembungkusan padi?
31. Adakah setiap beras mempunyai gred yang tersendiri?
32. Bagaimanakah cara untuk mengenal pasti gred beras tersebut?

33. Berapa banyakkah, bilangan gred dan cara untuk menentukan gred keseluruhan beras?
34. Apakah ciri-ciri bagi mengenalpasti gred beras tersebut?
35. Bagaimanakah cara untuk mengenal pasti setiap perbezaan gred beras?
36. Berapa banyakkah pengeluaran beras yang dihasilkan dalam sebulan, setahun?
37. Apakah anggaran pengeluaran dari setiap produk?
38. Berapakah jumlah kilang milik faiza yang masih beroperasi hingga sekarang?
39. Berapakah jumlah kenderaan yang diguna setiap hari?

Bahagian C: Pencapaian dan penganugerahan

1. Adakah puan hajah pernah terlibat dengan sidang media televisyen atau mana-mana sidang media?
2. Adakah orang ramai lebih mengetahui tentang produk yang dikeluarkan dari syarikat puan selepas tersiarinya program tersebut?
3. Boleh puan hajah ceritakan jenis pengiktirafan yang puan hajah dapat sepanjang menceburi bidang perniagaan ini?
4. Adakah puan hajah ingin memperluaskan empayar perniagaan puan hajah?
5. Bolehkah puan hajah terangkan penganugerahan yang pernah diterima sepanjang puan dalam bidang perniagaan ini?
6. Dimanakah majlis penganugerahan tersebut berlangsung? Boleh puan hajah ceritakan?
7. Apakah jenis-jenis cabaran yang puan perlu hadapi sepanjang menceburi bidang perniagaan ini?

8. Bolehkah puan hajah bercerita pengalaman puan hajah sepanjang menguruskan perniagaan ini?
9. Bagaimanakah perasaan puan hajah setelah mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan?
10. Adakah puan hajah berpuas hati dengan pencapaian sekarang?
11. Apakah sumbangan puan hajah yang terbesar?
12. Apakah perasaan puan hajah setelah dapat membantu mereka yang memerlukan?
13. Siapakah kumpulan sasaran puan hajah selain membantu golongan anak yatim , golongan asnaf, dan juga mangsa bencana alam?
14. Apakah menu utama puan hajah untuk menjadi seorang ahli perniagaan yang berjaya?
15. Nasihat yang puan hajah ingin sampaikan kepada mereka yang ingin memulakan perniagaan, terutamanya bangsa melayu dan beragama islam.
16. Apakah perancangan terdekat puan hajah buat masa sekarang?
17. Apakah rancangan puan hajah pada masa akan datang untuk jangka masa yang panjang?

LAMPIRAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan PN Hjh Faiza Bawumi Sayedahmad pada 16 April 2014...

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh).
Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tetap)

Hjh. FAIZA BAWUMI SAYED AHMAD
Managing Director
Syarikat Faiza Sdn. Bhd.

Dr. Hj Ghazali Bin Osman,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UITM Kelantan.

**Pejabat Timbalan Rektor
(Hal Ehwal Akademik)
Deputy Rector Office
(Academic Affairs)**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia
Website : <http://www.kelantan.uitm.edu.my>
Tel : (09) 976 2266/976 2162 Faks : (09) 976 2156
Email : tpeakln@kelantan.uitm.edu.my



Tarikh : 3 April 2014
No. Fail : 100-KK(HEA 30/7/2)

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

<u>BIL</u>	<u>NAMA</u>	<u>NO. UiTM</u>
1.	NURUL ASYIKIN BINTI MOHD YUSOF	2012543107
2.	AIZAHANI AIZZUREEN BINTI JOHANIS	2011162643


Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (IM 245), Bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan matapelajaran yang mereka ikuti iaitu ORAL DOCUMENTATION (IMR604).

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi NURUL ASYIKIN BINTI MOHD YUSOF di talian 013-609****.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian terima kasih.

Yang benar


IMRAN BIN MOHAMED @ ISMAIL
Penolong Pendaftar Hal Ehwal Akademik
b/p : TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

GAMBAR




Gambar 10 : Bersama Puan Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad



Gambar 11: Puan Hajah Faiza ketika di temubual




Gambar 12: sewaktu Puan Hajah pernah menghadapi berniaga



Gambar 13 cawangan produk faiza



Gambar 14: Syarikat Faiza



Gambar 15: Rempah-ratus






- ✓ PULUT HITAM
- ✓ PULUT SUSU
- ✓ THAI BROWN RICE
- ✓ THAI RED RICE
- ✓ PARBOILED BASMATHI
- ✓ KOHINOOR BASMATHI
- ✓ ROYAL DANCER FRAGRANT
- ✓ NASI DAGANG

OUR
 New Products
 SKU : 2KG


Gambar 16: Produk keluaran Faiza



Gambar 17: Pilihan terbaik rempah ratus Faiza



Gambar 18: Mesin yang digunakan untuk pengasingan dan pembungkusan beras



Gambar 19: Gudang penyimpanan beras



Gambar 20:Kenderaan yang digunakan untuk penghantaran

INDEKS

INDEKS

A

AJK · 46
Alhamdulillah · 5, 8, 13, 18,
22, 28, 30, 32, 45, 48, 49,
50
al-Quran · 51
ASB · 18

B

Batu Pahat · 1, 4, 5, 24, 37,
38, 46, 55
Belajar · 11, 40
beras · 15, 17, 18, 22, 24, 25,
26, 27, 29, 33, 34, 35, 36,
37, 39, 46, 47, 48, 58, 75,
76
BERNAS · 34
BersamaMu · 48

D

daging · 22, 48

F

FAMA · 43

G

giling · 16

H

hakim mahkamah syariah · 4
HR · 44

I

Iman Kargo · 27

J

JAKIM · 22
JCORP · 31
juruwang · 8

K

Kaherah · 2
Kanser darah · 49
Kedah · 20, 24, 25, 37, 38, 46
kedai runcit · 17, 38, 44, 58
Kelantan · 46
Kesihatan · 50
kimo · 49
KL · 37, 38, 42, 43, 45, 55
koma · 7, 8

L

Langkawi · 13
LBM · 18

M

Machang · 2, 26
Maktab Perguruan Johor
Bahru · 6
Malaysia · 2, 3, 4, 8, 11, 12,
13, 18, 22, 30, 46, 53, 74
Matematik · 6
Maulidur Rasul · 45, 48
Mekah · 12

Menjahit · 7
Mersing, · 4, 15
Mesir · 2, 12, 13, 18

O

OKU · 48

P

packaging · 29, 37
pendidikan · 7, 73, 74
PERKIM · 18, 46
PHD · 5

Q

quran · 8, 14

R

rempah · 15, 16, 17, 18, 21,
22, 25, 26, 27, 29, 36, 37,
39, 40, 44, 46, 48

S

salesman · 24, 30, 38, 39

SME · 37
SPM · 53
Stoner · 29
Sungai Petani · 24, 25
SYARIKAT FAIZA · 1

T

Terengganu · 24, 25, 37, 38
TUB · 30
tv · 42, 50

U

UiTM · 2
UMNO · 46
Universiti Al-Azhar · 2, 3, 8

W

wakaf · 53, 55

Z

zakat · 18, 22